15. Tuan Haji Hamzah bin Alang bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau sedar bahawa sa-tengah ahli² Lembaga Pelesen Pusat yang tidak hadir sa-waktu di-adakan temuduga² dan ada-kah ahli² Lembaga tersebut di-bayar elaun tetap atau di-bayar elaun mengikut kehadiran mereka.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan ada mengandongi 6 orang ahli² tidak rasmi. Mengikut Undang² Lalu Lintas 1958, "quorum" atau chukup bilangan untuk Lembaga

tersebut hanya-lah terdiri dari 2 orang ahli tidak rasmi dan sa-orang Pengerusi. Oleh kerana banyak kali-nya meshuarat² Lembaga Pelesen yang di-adakan diseluruh Negeri² Malaysia Barat, maka perlu-lah di-bahagi²kan bilangan ahli² itu untuk menghadhiri satu² meshuarat. Ahli² tidak rasmi tidak menerima elaun tetap bulanan; mereka di-bayar elaun mengikut bilangan hari yang mereka menghadhiri meshuarat. Sa-saorang ahli yang tidak menghadhiri meshuarat tidak-lah di-beri elaun.

Tuan Haji Hamzah bin Alang: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa ada di-antara ahli² Lembaga Pelesen ini kadang² ada masa² dan tempat² yang tertentu sahaja dia mahu hadir.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar perkataan yang akhir sa-kali.

Tuan Haji Hamzah bin Alang: Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar kadang² ada di-antara ahli² Lembaga Pelesen ini ada tempat² yang tertentu sahaja dia mahu hadir?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak memberi peluang umpama-nya permohonan daripada Pantai Timor tentulah ahli² yang di-lantek dari Pantai Timor itu perlu dan penting menghadhiri-nya. Mereka sa-tengah-nya juga memegang jawatan² yang lain sabagai Ahli Perkhidmatan 'Awam, ada juga kerja lain tidak dapat ia di-minta pergi ka-Pantai Barat, tetapi ada kala-nya mustahak mereka juga bersetuju, tidak-lah di-tetapkan orang itu di-situ sahaja, ada kala-nya kita tukar²kan juga.

Tuan Haji Hamzah bin Alang: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini tahu ia-itu ada di-antara ahli² Lembaga Pelesen ini kadang² bila masa ada temuduga dia lepas marah—ada-kah itu satu tektik chara temuduga sa-macam itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak dapat aduan. Kalau Yang Berhormat tahu dan tidak mengadu dengan saya dahulu, saya tidak dapatlah hendak menyiasat. Saya harap

tidak-lah chara hendak marah² (*Ke-tawa*).

PEMASANGAN LAMBANG LAMPU "TEKSI" DI-BUMBONG TEKSI²

16. Tuan Haji Hamzah bin Alang bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah di-wajibkan sa-tiap kereta sewa memakai huruf "TEKSI" dengan memasang lampu di-bumbong-nya dan berapa-kah harga memasang tulisan itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, terbit dari chadangan yang telah di-buat baharu² ini oleh sa-orang daripada Ahli² Dewan ini supaya teksi² lebeh senang di-kenali, tindakan telah di-ambil supaya teksi² di-Kuala Lumpur dan Pulau Pinang memasangkan di-atas bumbong-nya satu lambang lampu yang memakai perkataan "TEKSI". Sa-kira-nya perchubaaan tersebut menghasilkan, peratoran ini akan di-buat juga ka-atas teksi² di-tempat² lain, walau pun lambang ini mesti di-buat mengikut bentuk dan rupa yang di-tetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, tetapi tuan² punya teksi boleh memesan-nya dari mana² kedai yang di-pileh oleh mereka sendiri. Ada-lah di-fahamkan bahawa lambang ini berharga antara \$8 dan \$10, ia-itu bergantung kepada mutu yang di-buat tanda "TEKSI" itu, ada kala-nya tin barangkali lebeh murah daripada tembaga, maka itu terpulang-lah kepada pehak masing² hendak membeli-nya.

Tuan Haji Hamzah bin Alang: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa penukaran "TEKSI" ini telah tiga kali di-buat; mula² dahulu pakai api di-dalam-nya, sa-lepas daripada itu taroh dekat pintu—TAXI, lepas itu potonglah balek "TEKSI"; sekarang potong pula balek taroh sa-belah atas bumbong. Jadi, tidak-kah boleh di-buat benda ini serentak sa-kali, jangan dua tiga kali; jadi pemandu² teksi rugi banyak kali.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini daripada pengalaman Ahli² Yang Berhormat bawa chadangan di-Rumah ini dan saya juga telah merantau seluruh dunia ini, memang elok. Di-London baik, di-New York baik lebel teksi itu ada

sa-belah malam supaya jangan kereta² Mercedes itu di-tahan, kereta Menteri yang Mercedes pun di-tahan juga kerana kereta sewa kebanyakan Mercedes.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin jaminan kepada Menteri Pengangkutan ini supaya dia membuat satu bentok yang tetap sa-hingga tidak ada perubahan kapada tuan² punya teksi lagi, sebab kita dengar hari ini banyak orang² yang merungut terutama tuan² punya teksi sebab Menteri ini selalu mengubah kedudukan teksi² ini sa-hingga menguntongkan, sa-tengah² orang mengatakan ia-lah ada hubungan dengan kapitalis dan sa-bagai-nya. Jadi, saya berharap supaya tuduhan itu tidak berlaku lagi supaya mengadakan satu bentok yang khas tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal tambahan-kah?

Tuan Mustapha bin Ahmad: Jadi, saya minta

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan, bukan minta jaminan disini.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua: boleh-kah Menteri ini memberi jaminan supaya tidak akan ada perubahan lagi di-dalam bentok teksi ini sa-hingga semua sa-kali mengenai lampu-nya, tayar-nya dan sa-bagai-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di-sini lampu atas-nya.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Semua sa-kali lampu-nya dan lain² lagi tidak ada perubahan apa² lagi sa-telah di-adakan satu perubahan tetap.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak pegawai Kementerian dan juga pegawai² Pejabat ini sa-belum di-adakan sesuatu pindaan telah berunding. Ini kemahuan dan chadangan daripada pihak yang ramai. Umpama-nya, dahulu teksi² taroh tanda bulat kecil sahaja, base-nya di-Kuala Lumpur, dia lari ka-Alor Star, dia lari ka-Kota Bharu, orang hendak tengok susah. Sebab begitu taroh besar² perkataan "Kuala

Lumpur"; jadi tidak boleh lari pergi Kota Bharu atau Alor Star. Maka sa-lagi ada chara dia hendak mengelakkan daripada Undang² ini, kita kena-lah ketatkan undang²-nya. Ini-lah sebab-nya dari satu masa ka-satu masa kita ada-kan atoran peratoran yang sesuai supaya menyenangkan orang ramai, tidak menyusahkan kapada pihak teksi-nya—menyenangkan kapada orang ramai.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan kenapa sa-tengah² menggunakan perkataan "TEKSI" dan sa-tengah menggunakan perkataan "Kereta Sewa", dan ada-kah di-beri peratoran kapada teksi² ini apabila sudah ada passenger di-dalam-nya untuk memadam lampu yang di-buboh di-atas bumbung itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli² Yang Berhormat ini faham; yang kita taroh lampu teksi itu berma'ana kereta² sewa dalam bandar yang menggunakan meter. Sekarang ini kita sudah benarkan juga sa-bahagian daripada yang memakai meter dalam bandar itu juga tidak payah-lah dia pakai, kerana dalam bandar² yang kecil tidak payah pakai. Maka yang kereta sewa ini kereta yang di-luar² bandar yang tidak ada bermeter; itu di-katakan kereta sewa, itu sebab ada bedza-nya. Tentang kalau ada orang buka, kalau tidak ada orang tutup, saya akan berhubung kapada Pesuruhjaya, saya tidak ada dapat mana satu tutup-kah, buka-kah (Ketawa). Tetapi yang saya tahu lampu itu ada menunjokkan ini "TEKSI". Maka kalau dia bawa orang sudah ada, dia tidak berhenti, kalau tidak ada orang, barangkali dia berhenti, tetapi itu terpulang-lah kalau ada chadangan, chatetan, kalau sudah ada orang, ta' usah bukakan lampu, saya akan siasat perkara ini. (Ketawa).

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri biasa ka-London dan New York, tidak-kah Yang Berhormat Menteri boleh ber-setuju jika sa-kira-nya kereta teksi itu telah ada penumpang-nya maka ada

baik-nya di-tutup lampu itu, sa-bagai-mana yang berlaku di-London dan di-New York supaya orang penumpang atau orang yang berchadang hendak menumpang menggunakan teksi itu tidak memanggil kereta itu waktu dia berjalan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beri akuan saya akan siasat benda itu; saya sendiri tidak tahu sama ada suruh tutup atau buka terus. (*Ketawa*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ada-kah peratoran meletakkan tanda teksi di-atas teksi itu satu peratoran yang wajib atas tiap² teksi yang di-wajibkan oleh Kementerian atau dengan suka hati teksi masing² sahaja, kerana saya tengok banyak teksi yang ada tetapi banyak juga yang tidak ada lagi. Kalau peratoran ini di-kenakan pada semua teksi—saya fikir elok dan di-wajibkan semua teksi mengadakan supaya ada satu bentuk yang *standard* bagi semua teksi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya telah katakan tadi dengan sebab kita menghormati chadangan² daripada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan yang berbahagia ini, kita telah men-chuba dua bandar yang besar ia-itu di-Kuala Lumpur dan Pulau Pinang ini di-kehendaki. Sa-kira-nya, ini akan menguntongkan orang ramai dan baik, kita akan adakan di-serata Tanah Melayu ini. Jadi, ini perchubaaan memang di-kehendaki.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak di-Kuala Trengganu pun ada juga yang pakai teksi di-atas ini—bukan sahaja di-Kuala Lumpur.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak ikut fashion itu—saya tidak paksa. Saya tidak hendak ini di-marahkan orang kata hendak tambah bayaran duit lebeh, maka kita buat perchubaaan dahulu, macham meter juga kita chuba dahulu; sudah itu, kita kurangkan sa-paroh daripada bilangan sa-bagaimana di-Kota Bharu, di-mana² tempat juga lagi; kalau dia hendak buat ikut itu boleh buat, tetapi kita tidak perentahkan.

(*Tempoh Pertanyaan Mulut telah chukup dan jawapan kepada pertanyaan No. 17 sampai 24 ada-lah di-beri di-bawah ini.*)

BILANGAN ORANG² YANG CHEDERA DAN TERBUNOH SEMENJAK PERKHIDMATAN RELKAR (1959)

17. Tuan Haji Hamzah bin Alang bertanya kepada Menteri Pengangkutan supaya menerangkan dengan berasingan, berapa jumlah orang² yang chedera dan yang terbunuh sejak Perkhidmatan Rail Car di-mulakan dari Kuala Lumpur ka-Bukit Mertajam, dari Kuala Lumpur ka-Johor Bahru dan dari Kuala Lumpur ka-Port Swettenham; dan sama ada bayaran "Sagu Hati" telah di-bayar kepada mereka² yang chedera dan kepada keluarga mereka² yang terbunuh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bilangan orang² yang terbunuh semenjak perkhidmatan Relkar di-mulakan pada tahun 1959 ada-lah saperti berikut:

	Jalan Indok (Main line)	Chawan-nan Kedah	Lain ² Chawan-nan	Jumlah
1. Pencheroboh (Trespassers)	25	5	13	43
2. Kakitangan Keretapi	3	—	—	3
3. Penumpang	3	—	—	3
			Jumlah ..	49

Pencheroboh² yang di-langgar oleh relkar ada-lah mereka yang melakukan perbuatan bunuh diri atau yang men-chabul Sekshen 106 Undang² Keretapi 1948 dan oleh yang demikian tidak berhak mendapat bayaran ganti rugi.

Kakitangan² Keretapi yang telah terbunuh semasa bertugas ada-lah di-bayar pampasan menurut "Workmen's Compensation Ordinance".

Sa-orang daripada penumpang yang telah mati itu ia-lah kanak² yang terlibat dalam pelanggaran di-Layang² baharu² ini. Oleh kerana perkara ini maseh "subjudice" pembayaran pampasan belum di-buat. Dua orang penumpang lagi itu telah mati oleh kechuaian mereka sendiri, sa-orang daripada-nya melompat turun masa teren maseh berjalan dan yang sa-orang lagi telah mati akibat perbuatan chuainya sendiri berdiri dan menghulorkan

kepala-nya jauh keluar hingga terpukul pada besi jambatan keretapi.

Bilangan orang² yang chedera semenjak 1959 ada-lah seperti berikut:

	Jalan Indok	Chawan- ngan Kedah	Lain ² Chawan- ngan	Jumlah
1. Kakitangan Keretapi	3	—	1	4
2. Penumpang	56	—	8	64
3. Pencheroboh	16	—	11	27
			Jumlah ..	95

Kemalangan² ini ada-lah di-sebabkan oleh:

- Perbuatan pencheroboh melanggar Sekshen 106 Undang² Keretapi.
- Orang 'awam dan kanak² disapanjang jalan Keretapi merejam batu pada tingkap dan memecah gelas tingkap masa teren berjalan.
- Penumpang turun sa-belum teren berhenti.

Sa-lain daripada sebab² di-atas 48 orang penumpang dan 2 kakitangan Keretapi telah chedera dalam pelanggaran Teren Rengkas dengan Teren Champoran di-Layang Layang baharu² ini.

Kapada pencheroboh² (trespassers) Pertadbiran Keretapi tidak bertanggung jawab; kapada kakitangan keretapi, bayaran sagu hati di-buat menurut "Workmen's Compensation Ordinance" jika kemalangan itu tidak di-sebabkan oleh kechuaian mereka sendiri masa bertugas. Kapada penumpang² tanggung-jawab Pertadbiran Keretapi ada-lah termaktub di-dalam Sekshen 57 Undang² Keretapi 1948.

HALANGAN KERAJAAN TERHADAP PEHAK SENDIRIAN MENDIRIKAN MAKTAB² TEKNIK DAN PERUSAHAAN KECHIL

18. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan menghalang jika ada mana² pehak sendirian yang hendak mendirikan Maktab² Teknik dan Maktab² Perusahaan kechil di-negeri ini. Jika ia, apa-kah sebab-nya; dan jika tidak, ada-kah Kerajaan akan menggalakan usaha² seperti itu dengan memberi kemudahan².

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari): Kerajaan tidak akan ada apa² halangan terhadap mana² pehak bersendirian yang hendak mendirikan Maktab² Teknik atau Maktab² Perusahaan kechil di-negeri ini dengan syarat yayaan² itu memenohi syarat² pendaftaran di-dalam Act Pelajaran, 1961 dan dapat mengadakan kemudahan² dan kakitangan² professional yang akan dapat bersetanding dengan latehan² dan kelayakan² yang terdapat di-Maktab² Teknik Kerajaan.

Sungguh pun bagitu saya patut menegaskan bahawa apa² penubohan Maktab² Teknik atau Perusahaan Kechil hendak-lah di-sesuaikan dengan rancangan² yang terkandung di-dalam Penyata Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi supaya negara kita tidak membadzir tenaga dan wang.

FOREIGN EXCHANGE EARNED BY MALAYSIAN INDUSTRIAL PRODUCTS

19. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad asks the Minister of Commerce and Industry to state the total amount of foreign exchange earned by our industrial products per annum.

The Minister of Commerce and Industry (Tan Sri Dr Lim Swee Aun): Foreign exchange earned by industrial products exported from West Malaysia for the years 1957 to 1967 (in \$ million) is as follows:

1963	...	628.3
1964	...	812.8
1965	...	970.0
1966	...	899.3

TOTAL AMOUNT OF RICE IMPORT FROM 1965 TO APRIL, 1968 AND INCREASE OF LOCAL RICE PRODUCTION FOR CORRESPONDING PERIODS

20. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad asks the Minister of Commerce and Industry to state:

- The total amount of import of rice for 1965, 1966, 1967 and 1968—up to the end of April 1968.
- The increase of locally produced rice in similar periods.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun:

(a) The total rice imports are as follows:

1965	...	...	399,000 long tons
1966	...	...	269,000 "
1967	...	...	294,000 "
1968 up to April			91,000 "

(b) The total increase of locally produced rice in the corresponding periods are as follows:

1964	483,900			
1965	596,530	long tons	=23.3%	increase over 1964 production
1966	596,510	"	=23.3%	"
1967	601,270	"	=24.3%	"
1968	not available			

ISSUE OF LICENCE TO RICE DEALERS FOR THE PERIOD 1965 TO APRIL, 1968

21. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad asks the Minister of Commerce and Industry to state:

- (a) the number of licences to buy and sell rice issued by his Ministry for the years 1965, 1966, 1967 and for 1968—up to the end of April;
- (b) the racial breakdown of the licences.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: The answer is to be found in written answer to Question No. 235 by the same Honourable Member.

RANCHANGAN DALAM BAHASA BAJAU DI-RADIO MALAYSIA, SABAH, DAN MENAYANGKAN FILEM² DI-KAMPONG² DALAM NEGERI SABAH

22. Tuan Ganing bin Jangkat minta kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran menerangkan:

- (a) memandang bahawa ranchangan dalam Bahasa Bajau di-Radio Malaysia, Sabah sangat-lah singkat, maka ada-kah tempoh siaran itu dapat di-lanjutkan, dan jika ya, bila;
- (b) memandang bahawa kebanyakan daripada filem² yang di-tayangkan di-Kampung² dalam negeri Sabah menggambarkan keadaan² di-sekitar Malaysia Barat dan negeri²

asing, ada-kah Kerajaan akan menimbang menayangkan lebih banyak lagi filem² yang menggambarkan keadaan di-sekitar negeri Sabah sendiri terutama sekali berhubung dengan usaha² pembangunan yang di-jalankan oleh Kerajaan pada masa ini supaya ra'ayat² sentiasa sedar apa yang di-buat oleh Kerajaan untuk mereka.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman):

- (a) Radio Malaysia Sabah pada masa ini hanya mempunyai satu saluran "network" sahaja untuk siaran bahasa Kadazan, Mandarin, Inggeris, Melayu, Indonesia, Murut dan Bajau. Kementerian ini sedar bahawa siaran dalam Bahasa Bajau sangat-lah singkat, tetapi oleh kerana masa siaran sangat terhad pada masa ini, maka tidak-lah dapat di-lanjutkan siaran dalam Bahasa tersebut. Walau bagaimana pun apabila saluran tambahan dapat dilaksanakan pada masa yang akan datang, maka boleh-lah masa siaran bukan sahaja untuk Bahasa Bajau, bahkan bahasa lain² juga di-lanjutkan masa siaran-nya. Kementerian ini sedang menimbankan usaha² memperbaiki keadaan tambahan masa terhadap bahasa² ini berasas kepada kemungkinan memperoleh tambahan peruntukan kepada Perbendaharaan.
- (b) Sukachita saya ma'alomkan bahawa Kementerian saya memang sedang berusaha untuk mengadakan lebih banyak lagi filem² yang menggambarkan keadaan di-sekitar negeri Sabah terutama-nya yang berkaitan dengan usaha² pembangunan yang di-jalankan pada masa ini. Walau bagaimana pun di-sebabkan oleh kewangan dan kakitangan yang terhad maka filem² itu tidak-lah dapat di-adakan sa-banyak yang di-chita²kan. Tetapi sukachita-lah saya tegaskan bahawa filem² yang berkaitan dengan Sabah telah di-adakan dan pengeluaran-nya makin bertambah².

PENGANGGORAN DI-KALANGAN PENUNTUT² YANG TELAH TAMAT PERSEKOLAHAN DI-MALAYSIA

23. Tuan Edwin anak Tangkun minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, memberikan angka penganggoran di-kalangan penuntut² yang telah tamat persekolahan mereka dalam tiap² Negeri di-Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Perangkaan² lanjut mengenai bilangan penganggoran dalam tiap² buah Negeri di-Malaysia tidak di-perolehi pada masa ini. Penyiasatan Socio-Ekonomi yang di-selenggarakan oleh Jabatan Perangkaan yang bertujuan untuk mendapatkan butir² sa-rupa ini baharu sahaja di-selesaikan pada 31hb Mei, 1968 lalu. Keputusan² ini tidak dapat di-siapkan sa-hingga beberapa bulan lagi. Walau bagaimana pun butir² sementara yang di-perolehi dari penyiasatan yang sama berdasarkan di-atas satu pusingan menunjukkan bahawa jumlah penganggor² bagi seluruh Malaysia Barat sahaja pada tahun 1967 ada-lah lebeh kurang 184,000 orang yang mana 131,000 daripada-nya ada-lah penganggor kali pertama. Ada-lah di-perchayai bahawa dari jumlah 131,000 orang ini penganggor pada kali pertama-nya lebeh daripada 75% terdiri dari belia² yang baharu meninggalkan bangku sekolah.

SARAWAK SA-BAGAI GEDONG BERAS MALAYSIA— KEMAJUAN YANG DI-CHAPAI

24. Dato' Ling Beng Siew bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apa-kah kemajuan yang telah di-chapai untuk menjadikan Sarawak sa-bagai gedong beras Malaysia.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dua kawasan besar yang mempunyai harapan di-jadikan penyelidekan tanah yang mendalam ka-atas satu kawasan sa-luas 30,000 ekar dekat Santubong telah di-jalankan. Di-samping itu anggaran permulaan mengenai perbelanjaan ka-atas kerja² parit dan taliayer yang di-kehendaki telah di-kemukakan.

Satu kawasan lagi sa-luas 150,000 ekar di-bahagian bawah Tanah Datar Rejang telah di-dapati sesuai. Sa-takat ini belum di-jalankan penyelidekan² yang mendalam ka-atas kawasan itu.

USUL

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PUERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya.

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak-banyak shukur dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Yang Kelima Parlimen Yang Kedua". (12hb Jun, 1968).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu, ia-itu pekah Menteri² telah bersetuju perbahathan ini di-lanjutkan lagi kepada Ahli² Yang Berhormat, dan jawapan-nya di-buat pada pukul 4.00 petang ini, tetapi jika tidak habis dalam masa pukul 4.00 sampai 6.30 akan di-panjangkan meshuarat kita ini sa-hingga pukul 8.00 malam. Jadi, kalau bersetuju dapat-lah Ahli² yang belum lagi ber-uchap membuat pandangan-nya sadikit sa-banyak, tetapi saya berpesan tolong-lah pendek²kan sadikit ucapan itu supaya banyak lagi Ahli² dapat ber-chakap.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Sarawak): Mr Speaker, Sir, we from Sarawak have travelled about a thousand miles to come here to be able to participate in this debate on His Majesty's Speech and for a time, we thought that our trip was in vain. I am, therefore, very grateful that I have been given a chance to speak.

The Honourable Member for Johor Timor, last Monday, proposed that the Government should take the initiative

to explore the possibility of the neutralisation of South-East Asia. I would go further and urge the Government to work for the neutralisation of South-East Asia and to take a positive neutral posture. In this connection, Sir, we should not on any account get involved in the Vietnam conflict, or aid or abet the American intervention in Vietnam. France, which has a long association with Indo-China and should know what she is saying, has publicly stated that the conflict in Vietnam could not be treated as aggression by the North against the South. According to France, Vietnam is one country but of two zones, and of all the powers, because of the historical background, America has no right to be in Vietnam at all. That, Sir, is the official stand taken by France and, if we mean to be neutral, I would suggest that the Government should support the stand of France in this regard.

His Majesty, in his Address, has mentioned about the Government's firm adherence to an independent foreign policy. I would like to ask how independent really is the Government's independent foreign policy. It appears that in the past the Alliance Government's foreign policy was one of tagging along that of American policy. It has been said that we should not offend the U.S.A. in the hope that we might get some foreign aid. Sir, the recent UNCTAD meeting held in New Delhi is an eye-opener to all, because in spite of all the pleas and entreaties put up by the developing countries, the rich Western developed nations would not commit themselves, and their indifferent attitude shows clearly that they would go on with their practice of exploiting the developing countries. This exploitation, Sir, as we know, has gone on for centuries. Although we see that the political pattern has changed, the economic pattern has remained the same all these years. These developed countries deliberately lower the prices of raw materials which the developing countries produce and put up the prices of manufactured goods which they produce. So, no matter how we may increase the production of our produce, we do not get the real value for it, because the higher prices of the manu-

factured goods of the developed countries cancel that out. We must, therefore, break out of the economic strictures of the Western bloc. Therefore, I feel that the recent step taken by the Alliance Government of establishing trade relationship with the U.S.S.R. and the Eastern bloc is a step in the right direction. In this connection, Sir, I would urge the Government to go further and take positive steps to establish some diplomatic link with the People's Republic of China with a view to establishing trade relationship with that vast country. So long as we can prove by action and by foreign policy that we are not a satellite of America but truly a neutral country, I see no reason why China would not welcome such a move on our part.

Now, Sir, coming to the home front, the Royal Address pins a hope of creating a more honest and efficient Civil Service through the activities of the Anti-Corruption Agency. To my mind, Sir, the Agency cannot make the Civil Service an efficient one, if the set-up of the Civil Service is one that spells inefficiency. I believe that the Suffian Commission has, in fact, made certain recommendations on promotions on merits. I would like to ask, whether the Government is going to adopt this policy. If not, then I would say that there will be no incentive for serving officers to put in their best. Again, is there a Government policy of attracting the best available men of calibre to the Civil Service rather than adopting the promotion and the employment of officers on nepotism and favouritism?

Sir, the recent brain drain that we have heard of seems to suggest that the Alliance Government is not capable of retaining, not to say attracting, the best material to the Public Service. I have heard of many complaints about not getting prompt answers from Government Departments even on simple matters. That looks to me like inefficiency. I would, therefore, appeal to the Government that it should prune all dead-wood in the Civil Service, and that the good and efficient officers be paid well and that it be made known to them that their efforts and efficiency are being appreciated.

In the Royal Address there are words of praise for the Armed Forces. It is right and proper that we should give credit where credit is due, but if there are shortcomings we should not hide them. Here, I would like to mention two cases of shooting involving the Security Forces in Sarawak and would urge the Government to direct that an inquiry be held. Both these cases happened a few months ago. One was at Miri in the Fourth Division and the other one at Buso in the First Division. In the case of the Miri incident a young man and a young girl were found staying at the bottom of a cliff and there was no means of escape. They were suspects, but for some reasons the Security Forces opened fire and the man was killed and the girl was injured. With the other case I am more familiar, and I would like here to declare my interest because her father has briefed me on this. In this case, the girl was in the rubber estate belonging to her father, which is a few minutes walk from the bazaar where her father's shop is. She was shot in the morning by the Security Forces. The shocking thing was that she was shot from the front at a short range and she was unarmed. In both cases the victims were unarmed. Therefore, one cannot comprehend how someone could shoot an unarmed young girl from the front walking towards him. I have tried to get the State Government to institute an investigation and I was told recently that a directive had been given from Kuala Lumpur that no inquiry should be held. Mr Speaker, Sir, I think it is a scandal if we should keep quiet and brush this aside; to my mind, the public should know the true circumstances of the shooting and it should not be swept under the carpet.

Mr Speaker, Sir, we have now at last seen the report of the Elections Commission which somehow or other had been kept for a long time. Without going into the details of it, we do know that the life of the Council Negri in Sarawak would end in June this year and because of the physical impossibility of holding the election this year it would mean that our Constitution will have to be amended and that, of course, means, to the people of Sarawak, the

further tampering of their Constitution.

Now, Sir, the people feel that they have not been fairly treated politically and also economically. They feel that in Malaysia they have found higher taxes to be paid and have to pay more for manufactured goods, but for their own produce they get less. I would like the Minister of Finance to look into the question of transporting goods from Western Malaysia to Eastern Malaysia. At the moment, there is no regular shipping line from this part of the world to Borneo and the freight charges have been high, because we know as a fact that whereas we can take goods from here to Sarawak there are no goods of Sarawak that can be taken over here. We have heard about the Government's intention of solving unemployment and I hope that this would come to a success.

Mr Speaker, Sir, I think what we do need now is a massive education movement directed at the peasants, because we may produce hundreds of thousands of young students or pupils, but the people in the farms need to be educated in the way of utilising their land. I am sorry to say that though Sarawak is a land mass but only a very small fraction of the land is being used, and the land being used is not being used properly. It is so paradoxical because there is land hunger in Sarawak and it is a very sorry spectacle to see farmers, mostly of Chinese origin, with no land to farm. On this I think we should exercise our minds and the Government ought to take more concrete steps in this direction rather than spending a lot of money in unprofitable and prestige projects.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, dalam kehebohan yang sengaja di-ada'kan dalam sidang kita pada kali ini mengenai perlaksanaan Surohanjaya Gaji Suffian ada-lah suatu suara ke-dengaran pada minggu lepas, enak dan merayu, entah di-endahkan entah tidak. Suara itu ia-lah suara sa-orang pemimpin Trade Union yang betul² chintakan perjuangan bersekh Trade Union. Suara itu meminta parti² politik jangan-lah mengambil kesempatan dari soal Surohanjaya Suffian itu dan jangan-lah

menanggok di-ayer keroh dalam peringkat² yang timbul dari Surohanjaya itu, biar-lah soal itu di-selesaikan oleh Trade Union dengan Kerajaan dan jangan-lah parti² politik, pemimpin² politik yang opportunist menanggok di-ayer yang keroh itu.

Saya mengalu²kan suara yang diterbitkan

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.10 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.25 pagi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam kehebohan yang sengaja di-ada²kan dalam persidangan ini mengenai pelaksanaan Laporan Gaji Suffian, terdengar-lah suara pada minggu lepas enak dan merayu² entah di-endahkan entah tidak. Suara itu ia-lah suara sa-orang pemimpin Trade Union yang betul² chintakan perjuangan bersekh Trade Union. Suara itu meminta parti² politik jangan-lah mengambil kesempatan dari soal Laporan Gaji Suffian itu dan jangan-lah menanggok di-ayer keroh dari peristiwa yang timbul dari Laporan Gaji Suffian. Dan biar-lah soal itu di-selesaikan oleh Trade Union dengan Kerajaan dan jangan-lah parti² politik, pemimpin² politik yang opportunist, menanggok di-ayer yang keroh itu.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, mengalu²kan suara yang terbit dari fikiran yang waras dan hati yang jujur itu. Seluruh negara mengalu²kan suara itu. Suara yang merupakan kutukan kepada salakan² politik yang mengiau² dari pehak sa-belah sana dalam Dewan ini mengenai perkara ini, mengenai Laporan Gaji Suffian ini. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama di-pentingkan ia-lah menimbang dan mengutamakan kepentingan negara. Dengan sebab itu tidak ada sa-orang warganegara yang waras fikiran-nya yang tidak menyokong pada perengkat ini, penanggoahan perlaksa-

naan Penyata Suffian itu. Soal yang timbul sekarang ia-lah yang di-jawab oleh tiap² sa-orang yang bertanggung-jawab, warganegara yang bertanggung-jawab. Apa-kah yang patut di-utamakan pada masa ini; menambahkan isi² poket pegawai² yang telah baik pendapatan-nya berbanding dengan pegawai² di-negara² jiran atau membuka kesempatan bagi memberi peluang² ekonomi kepada ra'ayat?

Negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, penganggoran ada di-angka 6 peratus. Rancangan Malaysia yang pertama menuju matlamat bagi mewujudkan pekerjaan baru bagi 450,000 orang, beribu² lepasan L.C.E. dan Sijil Persekolahan yang keluar tiap² tahun yang mengejar pekerjaan² baru ia-itu yang ta' dapat masuk ka-dalam tempat² pelajaran yang lebeh tinggi. Jika dilaksanakan Penyata Suffian sekarang ini, mereka ini-lah yang akan menjadi mangsa-nya dan erti-nya ra'ayat dan negara yang akan menjadi mangsa-nya. Bagi Kerajaan sekarang hanya memberi tiga jalan keluar, pertama meluaskan usaha perindustrian, yang kedua meluaskan usaha pertanian dan pembukaan tanah dan yang ketiga membanyakkan sekolah² vocational. Mari-lah bersama² seluruh ra'ayat pada masa ini menghadapi masa depan kita yang bertambah² stable ini dengan perpaduan yang baik dengan tidak menimbulkan keadaan² yang dapat mengerohkan ayer yang sa-makin jerneh dalam keadaan negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sunggo²h merasa hairan dengan telatah beberapa orang Ahli Pembangkang dalam Dewan ini. Pertama, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat yang telah menggambarkan segala²-nya yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan dengan gambaran yang gelap. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sengaja meletakkan kacha mata yang hitam di-atas mata mereka dan oleh sebab itu gambar yang nampak oleh mereka mempunyai gambar yang gelap dan hitam belaka walau pun sa-benar-nya dunia di-luar daripada kacha mata mereka itu, dunia yang terang dan agak cherah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita, Malaysia ini, ada-lah negara yang unique dalam keadaan sa-buah negara yang baru merdeka, yang baru membangun, yang ada di-dalam-nya berbagai² keturunan kaum tetapi dapat menjamin keamanan dan ketenteraman yang baik, dan menjamin kema'amoran warga-negara-nya sa-lama 11 tahun kita mencapai kemerdekaan sekarang, sa-hingga Ahli² Pembangkang saperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat sendiri mendapat nekat yang melimpah² dan jikalau mereka itu berada di-negeri asal mereka sendiri barangkali mereka tidak akan mimpi mendapat nekat yang mereka dapat kechap di-negeri ini ia-itu negeri yang telah mereka anggap sa-bagai negeri mereka sendiri pada masa ini. Segi ini harus mereka pandang dan harus kita bersama² sa-bagai orang yang sama² memandang negara ini sa-bagai negara kita membena negara ini dan bukan menchari jalan bagi menimbulkan ketegangan perkauman di-negeri ini sa-hingga menimbulkan kekelaman masa depan negara kita saperti yang hendak di-timbulkan oleh pemimpin² politik saperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyebut sedikit mengenai keadaan di-Universiti Malaya. Saya rasa kita harus berasa megah dengan keadaan universiti kita ini dan bahawa universiti kita ini ada-lah sa-buah universiti yang di-biaya² sa-penoh-nya oleh Kerajaan walau pun universiti ini mempunyai kuasa autonomy-nya yang penoh. Perbelanjaan di-keluarkan kerana universiti dan kerana mahasiswa² universiti, satu perbelanjaan yang banyak. Saya boleh bawa chontoh-nya di-sini, Tuan Yang di-Pertua. Kapada sa-orang mahasiswa yang belajar di-jurusan Arts atau Pertanian atau Ekonomi, perbelanjaan di-keluarkan oleh Kerajaan bagi satu kepala antara \$3,000 hingga \$6,500 satu tahun. Bagi sa-orang mahasiswa yang mengambil jurusan Perubatan, Kerajaan mengeluarkan belanja antara \$15,000 dengan \$18,000 satu kepala pada satu tahun. Dan pehak Dewan ini tidak

teragak², walau pun perbelanjaan itu besar, bagi memberi persetujuan, memberi peruntokan kapada universiti itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini universiti kita, pada pandangan saya, telah bertukar chorak, telah bertukar chorak menjadi suatu political forum, menjadi forum politik Maha Guru² di-universiti kita ini, pensharah² nya dengan mengambil kesempatan daripada nama dan pengaruh mereka sa-bagai Maha Guru atau Pensharah² Universiti telah mencheborkan diri dalam lapangan politik dan menjadi pemimpin² politik.

Saya teringat kapada satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Professor Ungku Aziz pada sadikit masa yang lalu yang menyatakan bahawa Pensharah yang ada latar belakang politik memang boleh mempengaruhi pelajar²-nya, sebab itu mereka mesti tahu kewajipan-nya supaya mereka itu tidak dapat mempengaruhi pelajar²-nya dengan aliran politik masing². Ini bahaya yang ada dalam universiti kita pada masa ini, Tuan Yang di Pertua. Saya tidak tahu apa yang akan jadi pada masa depan kita, jikalau keadaan ini di-biarkan dengan tidak ada suatu perhatian di-beri kapada perkembangan² yang tidak ada langsung sekatan yang berlaku di-dalam universiti campus kita itu. Maka dengan sebab itu saya menhadangkan supaya di-adakanlah sekatan² yang sesuai dalam perkara ini supaya universiti kita tidak merupakan forum politik yang boleh membawa benchana kapada masa depan negara kita. Berbanding dengan universiti² dari negara² luar, memang ada sa-tengah² Pensharah dan Maha Guru² yang mengambil berat dalam politik, tetapi kebanyakan-nya mereka hanya menjadi sa-bagai penyokong dan tidak menjadi sa-bagai pemimpin² parti politik yang terkemuka. Jikalau mereka hendak menjadi pemimpin² parti politik yang terkemuka, mereka wajib sa-bagai memegang amanah pengetahuan dan ilmiah yang ada pada mereka meninggalkan kerusi Maha Guru mereka dan terjun betul² ka-dalam dunia politik sa-bagai sa-orang ahli politik yang sa-penoh masa. Mereka harus berlaku adil kapada diri mereka, kapada ilmu

mereka, kepada mahasiswa, kepada universiti dan kepada negara.

Saya suka juga menchadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya keadaan mahasiswa² juga di-kaji dan jikalau ada mahasiswa² yang telah terpesong, maka di-kosongkan-lah tempat-nya itu, di-berikan-lah tempat-nya itu kepada mahasiswa² lain di-luar beribu² yang maseh menunggu tempat² kosong di-universiti kita. Mahasiswa² yang menumpukan tiga suku masa-nya kerana politik bukan lagi merupakan mahasiswa yang patut di-belanjakan \$15,000 sa-tahun oleh Kerajaan kerana pelajaran mereka itu. Mereka tidak ada lagi interest atau kepentingan di-dalam politik, interest dan kepentingan dalam pengetahuan, interest dan kepentingan hanya dalam jurusan yang lain dan tempat mereka dan peruntukan untuk sa-orang mahasiswa di-tempat itu harus di-berikan kepada mahasiswa yang betul² hendak menumpukan masa dan waktu kepada ilmu pengetahuan di-universiti.

Berhubung dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak mendapat penjelasan sedikit atas satu berita yang saya baca dalam surat-khabar baru² ini tentang chadangan daripada School of Education di-Universiti Malaya yang menganjorkan sa-buah Sekolah Universiti di-Petaling Jaya. Sekolah ini, menurut berita yang tersiar itu, akan mempunyai empat aliran bahasa di-bawah satu bumbungan. Ada-kah sekolah ini sekolah perhubungan, tempat experiment daripada School of Education, Universiti Malaya? Yang di-maksudkan untuk menjadi sabagai benih bagi melancharkan untuk menchapai tujuan daripada dasar Pelajaran Kebangsaan. Jikalau ini tujuannya, maka saya rasa bukan patut sekolah ini di-adakan dengan empat aliran bahasa. Sekolah² ini merupakan sekolah perhubungan untuk menchapai matalamat daripada Dasar Pelajaran Kebangsaan, dia harus berupa lain daripada sekolah² biasa, kerana kita sudah ada sekarang Sekolah² Rendah Jenis Kebangsaan China, Tamil, Inggeris dan Melayu, tetapi sekolah ini anjoran sekolah pendidekan daripada universiti, maka saya rasa lebih baik

dan lebih sesuai jikalau di-adakan dengan satu aliran bahasa sahaja ia-itu aliran Bahasa Kebangsaan dan jikalau ada murid² daripada keturunan China, atau India yang belajar dalam sekolah ini dan bilangan-nya 15 orang ka-atas, maka di-beri-lah mereka pelajaran bahasa China atau bahasa Tamil seperti yang di-nyatakan dalam dasar pelajaran kebangsaan kita. Jika tidak, saya tidak nampak bahawa kita akan dapat faedah yang baru daripada mengadakan sekolah perhubungan, Sekolah Universiti di-namakan sekolah perhubungan anjoran daripada School of Education, University Malaya yang hendak di-dirikan di-Petaling Jaya mulai tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal pelajaran ini juga, saya suka hendak menyentuh sedikit-lah soal peperiksaan dan sijil peperiksaan. Peperiksaan kita di-jalankan sekarang ini sampai pada masa ini kita maseh lagi ada hubungan dengan Syndicate di-Cambridge Universiti dan sa-barang peperiksaan kita adakan itu kertas² peperiksaan semua-nya di-hantar ka-Cambridge dan oleh sebab itu ada beberapa jenis sijil yang keluar di-negara kita ini, ada Sijil Pelajaran Malaysia aliran Melayu, ada Malaysian Certificate of Education (M.C.E.) aliran Inggeris, ada Cambridge School Certificate atau Overseas School Certificate keluaran daripada Cambridge sendiri—tiga empat jenis Sijil Pelajaran Sekolah Menengah dan bila sampai kepada pasaran pekerjaan, terutama dalam lapangan perniagaan, orang akan memandang ini ada Overseas School Certificate. Walau pun Bahasa Kebangsaan sudah menjadi bahasa rasmi yang tunggal tetapi oleh kerana prejudice lama maseh ada, oleh kerana chinta dan rindu dendam yang lama maseh ada kepada bahasa ibunda yang lama, maka Overseas School Certificate maseh di-utamakan dan mengatasi sijil² yang lain.

Dalam lapangan² yang lain demikian pula, Tuan Yang di-Pertua. Dan kita mengadapi masaalah yang tidak habis² dengan orang yang ada sijil, tetapi tidak mendapat tempat untuk bekerja, atau tidak di-utamakan untuk bekerja atau orang yang telah kechewa dengan

sijil dia. Tidak ada nilai ekonomi, tidak ada harga, tidak ada tempat dan sa-bagai-nya dan timbul-lah rasa kehampaan di-kalangan hati anak² muda kita, ibu bapa kita di-seluruh negara.

Saya suka menhadangkan satu solution, satu chara penyelesaian dalam perkara ini, pepereksaan bagi Sijil Menengah ini oleh kerana kita sa-buah negara yang sudah merdeka, tidak patut lagi kita ada hubongan dengan Cambridge Universiti. Kita harus serahkan kepada University of Malaya. Saya tahu pada masa ini konon-nya sudah di-adakan, pehak universiti agak² reluctant, tidak berapa hendak terima beban ini, tetapi sa-panjang yang saya tahu lebeh kurang pehak Malaysia berbelanja sa-banyak \$7 million sa-tahun kerana pepereksaan ini kepada Cambridge dan kita dapat menyelamatkan antara \$6 million hingga \$7 million sa-tahun jika pepereksaan di-adakan dan di-jalankan di-bawah anjoran Universiti Malaya kita. Saya minta supaya pepereksaan ini akan tidak lagi di-adakan dengan Cambridge dan di-pindahkan kepada Universiti Malaya. Saya minta tidak lagi kita ada Oversea School Certificate "Malaysian Certificate of Education" dan S.P.M. atau Sijil Pelajaran Malaysia—kita adakan satu sijil sahaja. Kita adakan Sijil Pelajaran Malaysia oleh kerana sekarang kita ada lagi aliran Inggeris atau Melayu jika mereka lulus satu² perkara dalam mathematic dalam bahasa Inggeris, di-sebutkan dalam sijil itu kelulusan-nya dalam bahasa Inggeris, tetapi bukan dia M.C.E. kerana dia itu mengambil Inggeris atau S.P.M. kerana dia ambil dalam aliran Melayu, tetapi satu nama, nama-nya Sijil Pelajaran Malaysia di-sebutkan mata-pelajaran yang lulus itu di-dalam sijil itu sahingga hilang segala prejudice yang menjadi masaalah sekarang ini dalam masa hendak menerima atau menchari pekerjaan. Tidak ada erti-nya sama sa-kali kita mempunyai dua jenis atau tiga jenis sijil bagi satu jenis kelulusan atau dua jenis sijil. Kalau kita buang Oversea School Certificate, Cambridge, tinggal dua—M.C.E. sama S.P.M. Dua jenis sijil bagi satu jenis kelulusan mesti di-adakan hanya satu sijil dan di-nyatakan mata² pelajaran yang di-

luluskan oleh penuntut² itu di-dalam sijil itu dengan satu nama, maka di-situ barangkali agak akan kurang-lah prejudice orang² yang hendak menerima pemegang² sijil ini atau sa-bahagian daripada masaalah ini akan dapat selesai dan kita pun tidak berhadapan dengan keadaan yang agak luar biasa dengan dua tiga jenis sijil untuk satu kelulusan yang ada di-dalam negeri kita pada masa ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Berapa lama lagi?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya sudah hendak sampai kepada hujung-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Jadi, itu-lah beberapa perkara yang saya rasa mustahak saya sentoh dan saya sukalah berhubung dengan hal pelajaran ini juga mengambil kesempatan ini memberi terima kaseh kepada Kementerian Pelajaran yang telah mengambil berat tentang nasib guru² ra'ayat dan guru² yang tidak terlatah terutama-nya di-Kelantan walau pun Ahli² Yang Berhormat dari Kelantan tidak berchakap barangkali, saya tolong berchakap bagi mengambil berat untuk memberi latehan kepada mereka mula² daripada tahun ini supaya memberi mereka itu kelayakan yang sesuai bagi menjadikan guru dan pendidik kepada anak² kita sesuai pada perkembangan masa. Saya rasa, usaha Kementerian Pelajaran dalam mengkaji kedudukan guru² yang tidak terlatah—guru ra'ayat seluruh Malaya terutama di-Kelantan—ada-lah satu usaha yang sangat baik dan sangat patut di-beri terima kaseh dan latehan yang di-jalankan sekarang ini, saya perchaya memberi sumbangan yang baik kepada kemajuan sekolah² terutama sa-kali di-Kelantan dan saya berharap bahawa usaha² saperti itu akan bertambah² lagi bagi kemajuan pelajaran anak² Melayu.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bharu Timor):
Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada uchapan Titah Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada pembukaan meshuarat Dewan bagi yang akhir pada 6hb Jun yang lalu.

Di-sini saya mengambil peluang untuk membahaskan di-dalam satu dua perkara yang di-fikirkan perlu. Di-dalam Uchapan Titah, Yang Maha Mulia Seri Paduka telah mengutamakan politik, ekonomi dan social ada-lah menjadi ucapan yang terpenting. Malaysia telah berjaya mengatasi berbagai² rintangan dan kesulitan. Kejayaan yang tercapai ada-lah berkat sokongan dan kerjasama yang di-berikan oleh ra'ayat. Di-dalam bidang ekonomi pula di-sa'at yang akhir ini telah membawa kepada kemerosotan di-sebabkan kejatohan harga getah, hingga menyebabkan negara mengalami kekurangan di-dalam segi kewangan dan menyebabkan pula perlaksanaan shor² Surohanjaya Gaji Suffian dibekukan yang melibatkan gaji sama pekerja² wanita terpaksa di-tanggohkan. Walau pun gaji sama pekerja² wanita ada-lah soal yang lain kerana sa-tahu saya Kerajaan telah pun menerima pada dasar-nya sa-belum Surohanjaya Gaji Suffian itu di-bentok. Walau macham mana pun dengan perasaan terharu dan bertolak ansor, kaum wanita terpaksa menerima keputusan yang telah di-buat oleh Kerajaan itu. Di-samping itu kami berharap bahawa Kerajaan akan menitik-beratkan mengenai dengan perlaksanaan gaji sama pekerja² wanita dengan sa-chepat mungkin dengan berusaha sa-berapa daya untuk menjimatkan wang² negara kepada belanja² yang membazir atau pun yang tidak perlu dan jangan-lah, kaum wanita di-pikulkan pengurbanan bertolak ansor kerana kaum wanita telah pun memberikan pengurbanan dan tugas yang sama dengan kaum laki² di-dalam soal menghadapi kepentingan negara dan tanah ayer.

Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kami sa-bagai ra'ayat Johor mengucapkan sa-tinggi terima kaseh kepada Kerajaan Pusat mengenai pembahagian rumah² murah di-negeri Johor terutama sa-kali di-Johor Bahru yang nampak-nya telah di-sambut oleh ra'ayat dengan penoh perasaan riang dan gembira. Tetapi sayang-nya ke-

gembiraan itu dapat kita saksikan hanya pada mula upacara pembahagian itu di-jalankan kerana suasana sedeh juga yang mengakhiri peristiwa tersebut apabila sa-bahagian besar ra'ayat yang di-panggil menchabut undi sa-lama dua hari berturut² berdiri di-dalam suasana panas terik dari pagi cherah hingga gelap malam, mereka kembali dengan rasa hampa, kechewa kerana undi yang mereka chabut tidak menghasilkan nombor yang membolehkan mereka mendapat pembahagian² rumah² pada hari itu. Bagaimana pun tidak-lah juga di-nafikkan ada semangat gembira yang menguasai segelintir pemohon² yang berjaya oleh berhasil-nya undi² yang di-chabut oleh mereka.

Ini ada-lah perkara yang mesti berlaku di-mana² juga. Sebab kita faham tidak ada Kerajaan di-dalam dunia ini yang boleh memenohi kehendak ra'ayat-nya dengan chara sa-kali gus sahaja. Tetapi apa yang saya maksudkan di-sini ia-lah untuk merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita supaya memberikan peruntokan yang lebeh banyak lagi kepada negeri Johor untuk membena rumah² murah seperti itu, kerana memandangkan pemohon² yang berjumlah sa-ramai 7,000 orang sangat-lah sedeh rasa-nya jika di-bandingkan dengan yang berjaya mendapat pembahagian hanya sa-banyak 162 orang sahaja. Oleh kerana itu walau pun sa-chara berperingkat² namun di-harap benar²-lah bagi pehak Kementerian yang berkenaan menyediakan peruntokan yang sa-imbang dengan keadaan ra'ayat yang memerlukan rumah² murah itu. Erti-nya jangan-lah terlalu sedikit hingga pada tiap² kali pembahagian itu di-jalankan tidak dapat menchapai angka 25 peratus daripada jumlah pemohon²-nya itu.

Di-samping itu pula saya kemukakan dalam Majlis ini ia-lah merayu kepada pehak yang berkenaan dengan Majlis Amanah Ra'ayat atau pun MARA supaya menyelamatkan tanah² yang tergadai oleh ra'ayat di-negeri ini, khas-nya oleh orang² Melayu. Sebab perkara yang sa-umpama ini sudah tidak menjadi rahsia lagi sedangkan Kerajaan yang memerintah Negeri

pernah kita dengar menggadai tanah² untuk kepentingan-nya sendiri. Jadi, ta' boleh-lah kita hairan kira-nya ra'ayat yang miskin bergadai kerana terdesak oleh sa-suatu hal yang ta' mungkin di-elakkan. Oleh kerana itu jika benar²-lah dasar MARA untuk menolong ra'ayat yang betul² memerlukan pertolongan dari-nya, maka tolong-lah tebuskan tanah² yang tergadai itu walau pun terpaksa di-kenakan shariat² yang tertentu kepada pehak² yang terlibat dengan penggadaian tanah² itu, kerana hanya ini-lah satu² jalan menyelamatkan tanah bumiputra yang terlepas ka-tangan orang² lain, semuga MARA dapat bertindak segera mempertimbangkan perkara ini dengan adil dan saksama.

Satu lagi perkara yang hendak saya rayukan di-sini ia-lah terhadap Kementerian Kesihatan supaya dapat mengeluarkan satu arahan yang tegas mengenai urusan menerima orang² sakit yang memerlukan rawatan di-Hospital. Nampak sangat menyusahkan orang² ramai sebab banyak kali yang saya terjumpa apabila saya menghantar orang² sakit kerana kalau nasib baik orang yang sakit ini sempat ketika doktor berada di-bilek pemeriksaan-nya, maka lekas-lah urusan pemeriksaan itu di-jalankan ka-atas-nya. Tetapi walau bagaimana pun sa-lepas pesakit itu lagi menunggu berjam² pula sa-belum dia di-hantarkan ka-bilek rawatan, ta' kira kelas satu, dua atau tiga, layanan-nya sa-rupa sahaja. Ini ia-lah kerana jurutulis (kerani) di-pejabat pendaftaran yang bakal di-masukkan berubat di-rumah sakit itu mengambil nama, kad pengenalan dan lain² yang mereka perlukan mengenai diri orang yang sakit itu.

Saya pernah berjumpa ada yang pengsan, ada yang bisa perut, ada yang sakit kepala hingga termuntah² berkali² dan mana yang sakit semput dan lemah jantung terchungap² bagi hendak hilang nyawa. Satu kali saya telah nampak sa-orang gadis sekolah yang terlibat dengan case rogol telah tersadai di-atas tempat pembaringan dengan keadaan yang sangat menyedehkan; di-tuntun oleh orang ramai. Pada hal tentu-lah tidak menjadi bekeratan

jika orang² yang sakit sa-umpama ini sa-lepas di-pereksa oleh doktor itu terus sahaja di-hantar ka-bilek rawatan dengan sa-beberapa segera, kemudian dari itu boleh-lah jurutulis itu mengambil keterangan² yang di-perlukan kapada-nya, sebab apa yang selalu saya lihat tidak-lah pula jurutulis itu berper² bertanya sa-suatu yang di-perlukan itu dengan diri orang yang sakit melainkan kapada orang yang membawa-nya sama ada saudara atau ibu-bapa mereka. Jadi apa salah-nya kalau urusan yang sa-rupa itu segera di-masukkan orang sakit itu ka-bilek² rawatan supaya segera pula dia mendapat rawatan atau bantuan yang di-perlukan.

Dan satu perkara yang terjadi yang sangat² di-kesali ia-lah sa-orang kanak² yang berumur lebeh kurang dua tahun yang telah di-patok ular, manakala di-bawa ka-hospital tidak mendapat pertolongan segera telah mati di-sebabkan pehak yang bertugas sebok berkehendakkan kad dan hendak mendaftarkan nama dan berbagai² lagi sa-hingga kanak² itu tidak sempat di-beri pertolongan dan dia telah mati. Dengan ini sangat-lah mendukachitakan dan kita harap mudah²an pehak Kementerian yang berkenaan dapat memberi arahan² yang tertentu supaya tidak mengechiwakan orang ramai yang datang minta pertolongan di-tempat yang tersebut.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah memandangkan kakitangan Jabatan Tentera dan Polis yang mana mereka telah menjalankan tugas yang paling penting untuk mengawal ketenteraman negara. Maka dengan tanggung-jawab mereka yang begitu berat sa-bagai alat negara yang nyawa-nya terletak di-hujung senjata. Maka kita perlu memberikan timbangan bagi kemudahan² hidup mereka. Sa-lain daripada sara hidup-nya yang sesuai, maka patut-lah juga Kerajaan membena sa-buah asrama di-mana² sahaja dalam Malaysia ini untuk di-tempatkan anak² Polis dan Tentera kerana sa-panjang yang kita ketahui bahawa tugas Polis dan Tentera selalu bertukar sa-tempat ka-sa-tempat, kadang² dengan chara mengejut. Ini ada-lah menyulitkan

mereka hendak membawa anak mereka bertukar sekolah. Sa-lain daripada mengganggu pelajaran anak² juga adalah memberatkan tanggung-jawab ibu bapa, kerana bila bertukar sekolah terpaksa membeli buku² kerana boleh di-katakan kebanyakan sekolah² tidak ada persamaan buku² pelajaran-nya, juga pakaian (uniform) kerana sekolah² ini ada mempunyai uniform bersendirian; ini juga terpaksa di-tukar.

Kalau-lah pehak² tentera dan polis yang terdiri daripada orang² yang berpangkat atau bergaji besar tidak-lah menjadi keberatan, malang-nya bila terkena kapada orang yang bergaji kecil tentu-lah menambahkan lagi kesulitan² kapada mereka itu. Jadi dengan ada-nya asrama boleh-lah menolong pehak anak² mereka ini meneruskan pelajaran-nya hingga tamat, sa-bagaimana yang kita dapat tahu bahawasa-nya pehak tentera British telah pun mengadakan asrama ini kapada anak² mereka untuk melanjutkan pelajaran-nya terus menerus.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak bawa di-sini kemushkilan kapada orang awam yang kehidupan-nya bergantung sa-mata² di-atas kereta sewa atau teksi yang telah di-naikkan chukai oleh Kerajaan sa-banyak sa-ratus peratus.

Mengikut bagaimana dalam penyiasatan saya perbelanjaan kerana sa-buah kereta teksi pada sa-tahun ia-lah lebeh kurang sa-banyak \$5,600 daripada pechahan² perbelanjaan ia-lah harga tayar yang mesti di-ganti tiap² sa-bulan sa-tengah pada empat² roda-nya. Ini memaksa belanja sa-banyak \$1,500 sa-tahun, kemudian harga barang² yang mesti di-ganti pula, ansuran yang sa-banyak \$600 dan chukai kereta sa-banyak \$800 pada sa-tahun dan lain² belanja boleh berjumlah \$5,600 ini tidak-lah termasuk income tax dan lain² perbelanjaan. Pendapatan mereka ia-lah sa-banyak lebeh kurang sa-tahun \$6,800. Jadi bererti chuma \$120 sahaja pendapatan berseh bagi pehak pembawa² kereta sewa itu. Keuntungan berseh pada sa-bulan kerana perbelanjaan sendiri dan anak isteri-nya dan juga tanggungan anak² sekolah juga termasuk rumah² sewa. Ini sangat-lah

mendukachitakan kapada pehak² yang berkenaan dan yang demikian saya mohon kapada pehak Kerajaan supaya dapat mengurangkan chukai yang telah di-naikkan sa-banyak sa-ratus peratus itu kapada pehak teksi² yang bergantung hidup-nya atas pencharian yang tersebut. Walau pun pehak Kerajaan telah pun menimbangkan bahawasa-nya kenaikan itu sesuai dengan bas atau pun kereta persaorangan, tetapi kita hendak-lah faham bahawasa-nya bas ada-lah satu badan yang bershariat dan juga orang persaorang ia-lah orang yang lumayan yang boleh termampu menyimpan kereta² teksi daripada yang di-maksudkan itu.

Jadi dengan ini saya berharap-lah mudah²an pehak Kerajaan dapat menimbangkan sa-mula di-atas kesulitan² mereka kerana pendapatan mereka yang tidak begitu tetap, kalau dibandingkan dengan teksi² yang mengangkut budak² sekolah. Apa-tah lagi pada masa ini dengan jatoh-nya harga getah, sudah tentu pendapatan mereka makin bertambah merosot. Jadi dengan itu saya sa-kali lagi merayu kapada pehak yang berkenaan supaya dapat menimbangkan sa-mula mengenai dengan kenaikan yang telah di-naikkan oleh pehak yang berkenaan. Terima kaseh.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kerana telah di-beri peluang berchakap sa-patah dua kerana menyertai usul menyembahkan junjong kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah-nya kapada Dewan sadikit hari dahulu. Oleh sebab masa sengkat dan ada lagi banyak Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang berchadang hendak berchakap maka tidak-lah saya akan mengambil masa yang panjang pada membentangkan dua tiga perkara yang ada dalam ingatan saya yang terbit daripada Titah Seri Paduka Baginda itu.

Yang pertama-nya, saya chukup-lah gembira mendengar Titah bahawa ia-lah maseh kezamaan Kerajaan kita hendak mengukuhkan lagi keadaan kedudukan ekonomi di-negeri kita ini,

terutama sa-kali hendak menambah dan memperbagaikan bilangan perusahaan. Berkenaan dengan masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah fahaman saya, sa-hingga masa ini pehak kilang² kita yang telah terdiri di-negeri ini telah mengeluarkan barang² tidak kurang hampir 250 jenis yang pada masa dahulu kita terpaksa bawa masuk dari luar negeri, makin sa-hari makin ada bertambah terdiri-nya kilang² di-negara kita ini. Tentu-lah bila sampai masa-nya pasaran dalam negeri akan meluak dan terpaksa kita kena chari jalan menghantar barang² yang kita buat di-sini ka-luar negeri. Memang Kerajaan telah pun sedar akan keadaan yang berlaku, dan dengan jalan itu Kerajaan telah pun, pada meshuarat yang lepas, membentangkan kepada Dewan dan telah meluluskan satu Undang² yang di-namakan Undang² Galakan Pelaburan yang di-harap boleh memberi galakan kepada kilang² membuat kira bichara pada menghantarkan barang² keluar negeri.

Saya faham pehak Kementerian yang berkenaan telah mengambil beberapa puluh orang pegawai² supaya di-lateh menjadi Commissioner atau Pesuruhjaya Perdagangan dan sekarang ini telah menjalankan latehan di-beberapa buah negeri dan akan di-tempatkan pada beberapa buah negeri kelak. Saya minta pehak Kementerian yang berkenaan menimbangkan apabila sampai masa hendak menetapkan Pesuruhjaya Perdagangan atau Trade Commissioner atau Trade Attache ini menimbangkan supaya menetapkan mereka di-negeri² yang berhampiran dengan kita di-sini ia-itu negeri² yang sa-umpama kita juga dahulu membawa masuk atau terpaksa membawa masuk barang² daripada luar. Sebab saya perchaya dengan jalan itu boleh kita menggalakkan negeri² yang berjiran dengan kita membeli barang² keluaran daripada negeri kita di-sini, khas-nya saya suka juga hendak mengshorkan ia-itu patut-lah Kerajaan menetapkan sa-orang Pesuruhjaya Perdagangan di-Timor Tengah dengan sa-berapa segera-nya.

Dengan izin Allah saya baharu² ini dapat melawat tanah suchi dan me-

ngerjakan fardhu haji dan saya telah mengambil sedikit masa meninjau pasaran di-Jeddah, di-Mekah dan di-Madinah. Boleh di-katakan 95% barang² jualan di-tanah suchi itu ia-lah barang² yang di-bawa masuk daripada luar negeri saperti TV set dan radio set daripada Jepun, tayar motokar daripada Jepun, sa-hinggakan juice yang di-buat daripada buah mangga di-bawa daripada Cuba. Banyak-lah saya fikir barang² yang di-buat di-negara kita ini boleh laku dan mendapat pasaran yang baik di-tanah Arab.

Sungguh pun galakan mengeluarkan barang² ini ia-lah patut di-urus atau di-bicharakan oleh kilang atau peniaga sendiri, tetapi kena-lah juga kita bersama² dengan Kerajaan tolong menggalakkan dan saya berharap kalau sa-kira-nya ada-lah kesempatan bagi pehak Kementerian yang berkenaan menempatkan sa-orang Pesuruhjaya Perdagangan di-Timor Tengah, maka hendak-lah diperintah kepada pegawai itu dengan sa-berapa segera-nya melawat tanah suchi Arab dan pada tangga yang kedua boleh juga di-kirakan kita hantar satu mission atau rombongan daripada pehak pekilang² melawat, tengok apa dia jenis barang² yang boleh laku di-sana dan tangga yang ketiga boleh juga barangkali kita mengadakan exhibition, atau pertunjukan bagaimana yang saya faham di-buat oleh beberapa negara yang lain.

Perkara yang kedua saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, saya memang berasa gembira atas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menegaskan lagi perdirian negara kita ini ia-lah hendak berdiri pada dasar polisi luar sa-bagai sa-buah negara yang bebas dan negara yang berkechuali. Sukachita juga saya mendengar Titah bahawa kita telah membuat perhubungan dengan Eropah Timor dan di-chadangkan akan di-buka beberapa Kedutaan kita di-negara² sa-belah Eropah Timor. Ini memang satu galakan yang layak dan patut bagi sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka saperti negara Malaysia kita di-sini. Tetapi saya

berharap sa-belum daripada kita membuka pejabat atau Kedutaan baharu di-negeri² baharu, kena-lah kita mengambil timbangan yang halus, terutama-nya berkenaan dengan pegawai² yang kita hendak hantar.

Yang kedua, kena-lah kita mengambil berat atas apa layanan yang kita mampu beri kepada pegawai² yang kita hendak hantar keluar negeri.

Baharu² ini sa-waktu saya pergi ka-Eropah saya ada melawat dua Kedutaan kita di-negara² Eropah dan ada beberapa sungutan yang telah disampaikan kepada saya berkenaan dengan kepichekan mereka² tentang perbelanjaan. Pertama berkenaan, dengan persekolahan bagi mereka² yang ada anak² yang maseh lagi terpaksa kena belajar dalam sekolah rendah. Di-negara kita ini, kalau tidak salah fahaman saya, kita dapat pelajaran perchuma kepada anak² kita dalam sekolah rendah—sekolah primary. Tetapi di-negeri² luar terutama sa-kali di-negeri², kata-lah, di-Eropah yang bahasa negara-nya bukan bahasa Inggeris, ada juga sekolah² yang kita boleh hantar anak² kita, tetapi belanjanya besar benar, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya sekolah di-Rome, hendak hantar anak kita ka-sekolah primary yang ada mengajar dalam bahasa Inggeris tidak kurang daripada \$170 U.S. pada satu penggal yang kena ditanggung oleh pegawai itu sendiri. Pada hal jika pegawai itu berkhidmat di-dalam negeri-nya sendiri, mereka akan dapat perchuma sahaja pelajaran bagi anak² mereka.

Yang kedua, pada negara² sa-belah atas angin, negara yang sejok yang terpaksa kita kena pakai sa-lama masa empat atau lima bulan, sa-tahun, api letrik atau gas, kerana hendak memanaskan rumah. Saya faham bahawa pegawai² itu sendiri kena bayar tidak kurang, kalau betul-lah figure yang di-sampaikan kepada saya itu, ia-itu katakan-lah di-Jepun atau pun sa-belah negeri Peranchis sana, England, tidak kurang daripada £80 atau £90 bagi satu quarter atau dalam tempoh tiga bulan belanja eletrik, boleh jadi lebeh lagi. Jadi jikalau kita hendak menyukakan hati pegawai² kita yang

berkhidmat di-luar negeri, maka bagi Kerajaan kena-lah mengambil pertimbangan yang sa-halus²-nya memberi layanan yang sa-patut kepada pegawai² kita itu.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak sentoh berkenaan dengan hal keadaan pada segi pelajaran. Segala rusohan yang kita bacha di-dalam surat² khabar baharu² ini yang telah berlaku di-negeri Peranchis, dan di-beberapa buah negeri yang lain saperti di-Amerika, di-Jepun, sa-lepas daripada saya tinjau daripada pendapat pakar² yang telah membuat siasatan, ia-lah oleh kerana sebab yang di-katakan sekarang ini dalam dunia sudah ada students explosion, sa-bagaimana kita berchakap katakan ada population explosion, daripada segi tidak chukup makan. Tetapi sekarang ini ada students explosion. Di-katakan dalam 10 tahun yang lepas jumlah penuntut² bertambah tidak kurang daripada dua kali ganda. Jadi kita ini sudah-lah menjadi sempit di-sekolah², universiti, tidak chukup tempat dan macham²-lah ada sungutan² dan tidak kepuasan hati daripada penuntut² itu. Maka di-sini sunggoh pun kita telah ada satu Jawatan-kuasa yang telah melaporkan penyata Higher Education Committee, saya harap kerana sebab apa² yang berlaku semenjak beberapa bulan yang lepas pehak Kementerian yang berkenaan mengator dan menyusun dasar² (polisi) pelajaran kita dengan meninjau tengok dengan teliti-nya apa-kah sebab²-nya yang telah berlaku rusohan² di-beberapa buah negeri saperti di-Peranchis baharu² ini, di-Amerika dan England, di-Jepun dan di-lain² tempat. Ini perkara yang chukup rumit. Saya perchaya ia-lah kezaman Kerajaan kita hendak mengadakan pelajaran pada anak² negeri kita dengan sa-berapa banyak dan sa-berapa tinggi yang boleh dan saya berpegang pada pepatah orang puteh yang mengatakan, "jikalau kita hendak memotong baju, kena-lah kita ikut pada kain yang ada di-tangan kita". Ini masaalah student explosion sunggoh pun di-negara kita belum lagi kita mengalami perkara yang sa-umpama ini, saya fikir tidak lama lagi di-dalam lima, sa-puloh, lima belas

tahun lagi tentu kita akan menempoh keadaan yang seperti ini di-negara kita sendiri. Oleh sebab itu saya berharaplah pihak Kementerian Pelajaran akan mengulang kaji segala dasar² pelajaran bertentangan dengan bertambahnya murid² kita yang berkehendakkan tempat² di-Sekolah² Rendah, Sekolah² Menengah, Universiti², dan pada sekolah² Vocational dan Technical dan lain².

Ini-lah harapan saya supaya janganlah kita akan mengalami pula pada masa ka-hadapan apa² yang telah berlaku di-negara² luar apa yang kita telah baca dalam surat khabar baharu² ini. Itu-lah dua tiga perkara dan saya berharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil ingatan dan saya dengan sa-penoh²-nya menyokong dan menyertai. Usul menyembahkan Uchapan junjong kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, it is the order of things that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong should deliver an Address, which is presented to him by the Honourable Prime Minister, and under those circumstances it is inevitable that the Royal Address should be couched in the words that are presented to him. I must admit that throughout my observations I shall be making references to the English text which has been published, although I believe that there are certain slight differences between the English text and the actual text in the National Language.

I would like to begin from the end, because of the shortage of time, by indicating straightaway that in spite of the glut of opinions from the backbenchers of the Alliance that the Opposition is trying to present a much bleaker side of the picture than is necessary, it is still nevertheless true this His Majesty's Address has clearly indicated the dangers lying ahead of us. It is couched in terms of the challenges that lie ahead of us and in terms also amounting to a prayer to Almighty God that we should be blessed by him in order that we could meet these

challenges ahead. The gravity of the situation is posed quite clearly by His Majesty at the end of his Speech and I think this is the best way to try to bring out my point in the short space of time that is allotted to me. The real danger is that apparently Members in this House, and certainly the general public, through the good work done, no doubt, by the Ministry of Information and Broadcasting, as reported in the Appendix, in conveying the Government's opinion to the public, apparently have not awakened to the fact that we are really facing critical times.

It was in 1966, two years ago, in this House that the Honourable Minister of Finance first posed this same question in slightly different words that public expenditure must be kept down to the barest minimum and must not be allowed to increase and that we are faced either with curbing expenditure or with the dangers of undesirable effects, which could affect the political and economic stability of this country. In 1966, the Honourable Minister of Finance posed this problem to this House as a choice, and now it has taken the Alliance Government two more years, 24 crucial excruciating months, to pose this question again, under the umbrella of His Majesty's Gracious Speech, to the people that we have this choice. Sir, I say we have no choice. The choice that is posed to us is a different choice and I shall postulate this choice later on. It is clear that although couched in these terms, the Government implies without any doubt at all that we cannot allow expenditure to be increased and it cannot be allowed to be increased beyond the level envisaged in the 1968 Budget under any but the most exceptional circumstances. These are clear-cut words and we must take them to heart, and it is a very interesting exercise for me to sit throughout this long debate and to be able to hear practically all the opinions of the Alliance backbenchers who are for this occasion a little bit more restive than before—they are restive either because of the impending elections or because they genuinely feel that the Government's implementation of past policies have

not met the requirements and expectations promised by those policies. Without doubt, if the Ministry of Information can truly let the people of this country see what happens in this House, they will understand the dissatisfaction even amongst the Alliance backbenchers, even though the Alliance backbenchers deem it enough by thanking and supporting the Motion.

What is the significance of this expression "beyond the level envisaged in the 1968 Budget"? This is a very important point because right in the first page of the Appendix under the Prime Minister's Department, paragraph 4 the Prime Minister says "Despite adverse economic trends, the tax effort to mobilise domestic resources for development has been maintained" and so on. In the Honourable Minister of Finance's Budget speech at the last Budget meeting, he stated in no uncertain terms that he considered that we had reached the maximum level of taxation in this country; it means that short of obtaining foreign loans, the capacity to generate our own revenues to a situation where we can envisage greater expenditure than that which is provided for 1968 is bleak enough in the years to come. That is the important thing. The choice in front of the people today is not whether they should make this decision now to curb expenditure, or to accept economic and political instability as a fact of life. The choice before the people is whether or not the people can still believe that the Alliance has got the capacity to curb expenditure on its past performance and whether the Alliance Party still has the vitality and the dynamic power to mobilise and galvanise this country into a situation to meet the challenging times ahead of us. That is the choice that is confronted by the people.

In the short space of time that I have, Sir, I cannot go through the 624 paragraphs in the Special Appendix. Even if I took one second per paragraph, it will be more than ten minutes. However, I urge the people of this country and the Members of this House to go through His

Majesty's Royal Address and read through the paragraphs of this Special Appendix and understand why the Alliance no longer have the capacity to curb expenditure. In 1966, the Honourable Minister of Finance told this House, "we must take a decision". Apparently, the choice is not yet made. A Government which cannot be decisive in times of crisis cannot lead this country successfully into the years that confront us. I maintain that between 1966 and the present time the Government has not managed to curb expenditure and certainly the Government has not managed to use the expenditure allocated to it in a manner that can be meaningful and bring benefit to the people of this country.

I would like to touch quickly on three major aspects. Among the three major items of expenditure in this country, firstly, is the item of public debt. The public debt continues to increase but the Government has not shown any tendency of curbing its habits of going abroad to borrow more money. Sir, this habit of borrowing must necessarily imply repayment of increased debts.

Sir, we have an instance of the type of implementation of policy which Government allows in the Appendix, and I would like to refer to it. It is under Transport—the Railway Administration. Sir, I would not read through this, but the references are clear. One of the problems of the Railway Administration has been that it has not been able to make enough money to repay the debts it incurred from loans in the past. Yet, Sir, in paragraph 489, for the development of Railway projects in Butterworth and Prai, the Railway Administration was allowed to borrow \$11 million, \$10 million provided as a loan by the Government and \$1 million by the Railway Administration itself. Sir, this is the kind of situation we have in spite of the fact that the financial and fiscal policy of the Railway Administration is being kept back, because of its loan commitments—yet it is allowed to incur more loans.

Sir, there is a further reference to this type of expenditure when we

refer to page 75 of the Special Appendix on the question of the development of the \$60 million deep water wharves at Bagan Luar. Sir, what do we expect from this development as laid down by the Appendix to His Majesty's Royal Address—"This will, to a great extent, assist the Penang Port Commission in the repayment of its loan of \$44.3 million". Sir, we are not generating effort in this country to bring the standard of living of the people in this country to a higher level; we are not generating the efforts of this country to do anything more than just the repayment of loans.

Sir, obviously, I cannot develop a thesis on this question of loans. I will go to the next point, the question of expenditure which is meaningful and not meaningful, and I think the biggest example is the reference in the Appendix to the Ministry of Education.

Sir, the total school enrolment for the whole of Malaysia continues to increase, and it goes on in paragraph 328, finally, to say that the ordinary budget in respect of education for 1968 was \$401 million compared to \$385 million for 1967. Sir, the people in this country have not yet awakened to the fact that we are pouring millions of dollars into an educational policy which is becoming completely a morass for the development of this country. It is not a policy which builds a nation—it is a policy which is becoming confused. Humorously the Honourable Minister of Education in his trips to the various States and to the various schools, charms his audience by saying, "If you want to see one of the most confused Departments, you can come to my Ministry; it is one of the most confused ministries." But, Sir, it is not a joke—it is a serious matter. How serious is it? Sir, we spend vast sums of money on education and yet in Johore State, I think in Batu Pahat, not two months ago, the Honourable Minister of Education gave these figures to the public, that in the Standard V assessment examination, out of the 91,000-over students who sat for the Standard V assessment examination in the Malay language as a subject, 48% of them failed, i.e., 48,000 of them failed,

13,000 of them did not even complete the paper. Sir, that is the result of the money that we put in into our education.

Let us take it further up, take it into the 6th Form entrance examination—admittedly the Government has now decided to put away the Sixth Form entrance examination and to accept the Cambridge as the level of assessment for entrance into the University. Sir, on the Sixth Form entrance examination Government's reply to a question in this House on January 23rd of this year clearly indicated what our policy has now led us to. Sir, these are amazing figures, if the Members take the trouble to go through the six pages of replies which were compiled by the Ministry. Sir, in 1967 out of a total of 18,978 students who sat for the Arts examination, only 1,569 passed, that is to say, only 7.5% passed; the rest of the 92.5% of the students sitting for the Art examination failed. Taking those who sat for Science, out of over 7,000 who sat for the Science entrance examination, only 1,518 passed, that is to say 20.5%. Therefore, the failure figure is 79.5%. So, right from the very outset it is clear that Government continues to pour large sums of money into the most important aspect of our country's life and produces 90 over per cent failures. Sir, is this the kind of education policy that we want? Is this the way in which we can entrust the Government to go on spending monies, public monies, with the hope that we can ensure political and economic stability in this country?

Sir, the third major item of expenditure is in Defence. We have had long discussions in this House over the question of defence. Sir, I suggest that this question of defence is tied up closely with this question of foreign policy. We, strangely enough, have not only the capacity of making enemies, but somehow or other we have the capacity of losing friends. Although we have asked the Government again and again to present a White Paper on foreign policy for debate in this House, the Government only now at

last indicates that it has an independent foreign policy. His Majesty's Address reads Sir, "My Government will continue to strive to maintain cordial and fruitful relations with all friendly countries". Sir, on the question of friendly countries, friendship is a two-way act, and we not only fail to get more friendly countries supporting us, we seem to be losing friends.

Sir, yesterday I was quite struck by the statement made by the Honourable Member from Johor Tenggara, when he referred to the dangers of Communist China and the relationship between Communist China and India. Sir, we do not have to take the experiences of India into account, we can take our own experience—Indonesian confrontation. Indonesia was a great friend of ours; she was the friendliest and one of the closest nations to Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
You have taken more than 20 minutes.

Dr Lim Chong Eu: Can I wind up, Sir?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Yes, one or two minutes.

Dr Lim Chong Eu: Yet we had Indonesian confrontation. Today we have misunderstanding with the Philippines.

Sir, I would like to wind up by asking Members of the House, can we entrust this question of future expenditure of this country to the Alliance Government and be sure of political and economic stability?

Sir, much as I would like to touch on matters about Penang, I would like to end on a different note. Sir, the defence talks have clearly indicated that we have come only to one conclusion: the scope of the defence talks not including Brunei was unfortunate. However, Sir, this question of defence matters being indivisible in so far as Singapore and Malaysia are concerned is the beginning of something much greater than we can foresee. Sir, once defence is indivisible, it will soon be a question of whether foreign policy should be similar; next it will be a question of whether trade should not

coincide or parallel one another. Under those circumstances, Sir, I would end by saying that the way in which we can look forward to economic and political stability in this country is not only just a question of examining the Alliance capacity to regulate its expenditure, it is also time for us to begin to think, to look, for a more stable form of union in this area, a more stable federation, and it is time for us to re-examine the whole question of the Federation, so that we can incorporate the Republic of Singapore in the Federation and bring in Brunei, and Sabah and Sarawak in more meaningful terms. Sir, regional security and economic stability in the future will have to be looked at from that type of fundamental manner. It is not enough for us to examine only what exists today. It is important for us to examine where we went wrong with the formation of Malaysia.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengambil bahagian dan di-samping saya menyokong beserta dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain kapada usul menyampaikan tahniah dan menjunjung kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memberi Uchapan Titah di-dalam Dewan ini pada beberapa hari yang lalu, saya juga suka hendak menyentuh dua tiga perkara dengan sa-chara ringkas kerana masa tidak membolehkan berchakap berpanjang² dalam masa sembilan minit ini.

Perkara yang pertama yang telah dapat di-petek daripada Uchapan di-Raja itu ia-lah matlamat dan tujuan Kerajaan tidak lain tidak bukan ia-lah satu daripada-nya menaikkan taraf hidup ra'ayat² di-dalam negeri Malaysia ini dan di-sini saya merasa ia-itu matlamat itu belum lagi sampai oleh kerana kegagalan di-dalam harga getah yang jatuh lebeh kuat dan harga barang² telah naik dengan lebeh, jadi pendapatan penduduk² di-dalam negeri ini ada-lah berkurangan daripada perbelanjaan yang di-kehendaki untuk sara hidup mereka itu. Maka dengan itu saya perchaya ia-itu taraf hidup

ra'ayat jelata dalam Malaysia ini adalah lebih uzor keadaan-nya daripada masa yang sudah. Ada-lah di-harapkan pada masa yang akan datang dengan ada-nya kebaikan di-dalam harga² pengeluaran kita, seperti harga getah dan bijeh timah, maka perkara ini di-harapkan ia-lah bagi untuk sementara masa sahaja.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan lapangan pelajaran, ia-itu satu lapangan yang banyak Ahli² Yang Berhormat telah juga berchakap mengambil kesempatan mengemukakan perasaan dan pendapat mereka itu. Perkara yang pertama yang saya hendak sebut di-dalam lapangan ini ia-lah penghargaan, atau nilaian sijil² yang telah di-perolehi oleh penuntut² yang telah melalui aliran Bahasa Kebangsaan kita ada-lah tidak dipandang tinggi oleh majikan² apabila di-bandingkan dengan nilaian yang diberi kepada sijil², seperti School Certificate atau pun Cambridge dan juga sijil² F.M.C. yang melalui jurusan bahasa Inggeris. Saya sendiri perchaya dan yakin, ia-itu perkara ini telah mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan dan beliau telah pun mengambil langkah ia-itu mata pelajaran Inggeris di-dalam sekolah² yang bahasa penghantar-nya ia-lah Bahasa Kebangsaan akan di-lebuhkan pada masa yang akan datang.

Di-dalam lapangan pelajaran juga, Tuan Yang di-Pertua, universiti telah pun mendapat perhatian dan di-sini saya berasa gentar dan dukachita melihatkan banyak Maha² Guru di-dalam Universiti kita telah mengeluarkan diri daripada gulungan pelajaran atau mengajar di-dalam universiti ini dan juga Pensharah² dengan sebab² bukan sahaja mereka itu ada kechen-derongan-nya kepada politik bahkan juga ada politik yang di-dalam-nya yang mengechewakan keadaan mereka itu sendiri. Maka bagi membaiki keadaan yang sa-macam ini pada masa yang ada sekarang ini sangat-lah gelap rasa-nya kerana orang² yang mempunyai taraf yang boleh fahaman guru itu ada-lah berkurangan seluroh dunia lebih² lagi di-dalam bidang sains dan juga bidang

teknologi dan jika sa-kira-nya kita dengan keadaan yang ada sekarang kerana kewangan kita ada-lah tidak boleh memampukan kita membayar gaji² yang lebih dan elaun² yang lebih, maka ada-lah kesusahan itu lebih banyak lagi daripada kalau segi yang kewangan itu chukup.

Saya menarek perhatian, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli² Yang Berhormat sa-kali lagi kapada perkara yang telah saya chakapkan di-Dewan ini pada masa yang lalu ia-itu penderitaan yang di-alami oleh orang² yang telah bersara. Tadi, saya mulakan dengan chara ekonomi kita tidak saimbang oleh sebab pendapatan sedikit, perbelanjaan banyak. Tetapi bagi pehak orang² Kerajaan dan majikan, mereka itu boleh mogok, ta' chukup gaji mereka berkata tidak hendak bekerja. Tetapi orang yang bersara kapada siapa dia hendak meminta walhal yang 25 tahun dahulu macham itu juga seperti yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Timor dahufu pada masa Dewan ini bersidang, satu orang guru yang telah bersara mendapat penchen atau pun sarapan hidup \$18 sa-bulan. Pada hari ini chukup-lah susah dia hendak mengisi perut-nya sendiri walau pun tinggal sa-orang dan demikian juga-lah kapada orang² yang bersara yang bertaburan di-negeri Malaysia ini. Dan saya berharap-lah ia-itu walau sa-kali pun Kerajaan ada mengalami kesusahan dalam gulungan atau lapangan kewangan-nya, perkara ini akan dikaji sa-mula dengan sa-berapa boleh, dengan sa-berapa chepat apabila keadaan kita ada baik, kerana tersangat-lah kasehan melihat orang² yang bersara pada hari ini, lain daripada minta sedekah. Tidak boleh! Kalau tidak di-sokong oleh anak² mereka itu atau pun kawan² mereka itu apa jadi? Jadi ini bukan-lah memberikan elok dan baik bagi Kerajaan yang telah mengambil mereka itu bekerja dalam pejabat². Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan, ia-itu perjalanan meshuarat hari ini di-kechualikan daripada syarat² Peratoran meshuarat 12 (1) hingga pukul 8.30 malam ini.

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa perjalanan meshuarat hari ini di-kechualikan daripada syarat² Peratoran meshuarat 12 (1) hingga pukul 8.30 malam ini.

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA TITAH UCHAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab beberapa tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat terhadap Uchapan di-Raja dan terutama sekali dari pehak Parti² Pembangkang. Jadi, saya mohon izin mula² hendak berchakap sedikit dalam bahasa Inggeris supaya pehak yang memberi pandangan ini faham tetapi dukachitanya mereka itu tidak berada di-dalam Dewan ini pada masa ini.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu, originally of the Labour Party, but I think now he calls himself a representative of the Gerakan, has made a number of serious allegations against the Government, stating that the Alliance Government is full of sins of omissions and misdeeds. Of course, Sir, we cannot expect a bouquet

from an Opposition Member, but it is not for him to decide the future of this Government or to know what the people would do; it is for the people themselves to decide.

Sir, the people of this country know the achievements of the Alliance Government in the last 13 years. Our records of achievements have been unprecedented not only in our history but in the history of developing countries throughout the world, and today our people of various races enjoy a better and higher standard of living and better amenities of life than they have enjoyed before. Our country, Malaysia, from a colonial territory became an independent country and today after over 10 years of independence we have earned the respect of almost all countries of the world, both big and small. As one who has had the opportunity of meeting leaders of many countries in Europe, Africa, Asia, in the Middle East and in America, it has always evoked in me a sense of pride of justifiable satisfaction in the fact that our young and small nation has earned the respect of many big nations of the world. We have been regarded by world leaders like President Johnson, President de Gaulle, Heads of State and Prime Ministers of many countries as a model country for newly independent developing nation, and if this is not a record of real achievement, what else could it be? No government has done so much in so short a time for the people and for the country, and no country has been able to earn so much respect and admiration of the world as Malaysia has in a very short time since we achieved independence.

Mr Speaker, Sir, this is a picture and a record that is known to the people of this country, a picture and record which no amount of fact twisting could erase from the minds of the people.

Now, the Honourable Member should not worry about the position of the Alliance Party in the forthcoming election. We know the solid support that the people had given us in the last three general elections, and we have no doubt that they will once again give us solid support in the forthcoming general

election. Sir, the Honourable Member for Batu stated that his new party, the Gerakan, is rich in thoughts and in ideas. First, Sir, the people are not looking for thoughts and ideas; people want concrete results; people are interested in deeds, not words. We have shown the people what we have been able to do. We have demonstrated to them in deeds what independence has meant to them; we have been given the dignity of a place among the free nations of the world.

Sir, on the development side, particularly rural development, it is a waste of time for the Honourable Member to belittle what the Government has done. Our rural development plan has been regarded as a model by many developing nations of the world and our techniques have been adopted by many countries of the world. Our people of all races in the rural areas have benefited from our development plan and they know that no other government could have done so much as the Alliance Government has done. Of course, we admit that there is still much to be done. In ten years we cannot bring complete progress or satisfaction to every citizen in this country, but we are determined to do more, provided we can have the money. Unfortunately, at this very moment the Government is facing serious financial difficulty due solely to the lowering price of rubber and also to the fact that we have spent a vast sum of money on development over the years. But we will continue to generate economic growth and encourage the flow of foreign capital and encourage the establishment of new industries, so that people will be able to obtain employment for those who have no proper employment. We will continue to open up vast areas of land for those who like to work on the land. We have now given priority to agricultural development, particularly in the production of rice and other crops, so that our people, particularly those in the rural areas, will be able to produce the foodstuffs that they require themselves, and this in turn will reduce the amount of imports into our country. If our farmers and

our rural dwellers could be self-supporting in their foodstuffs and earn sufficient income from the crops they grow, then their economy would be based on a really sound foundation. Also our land is rich in natural resources and we can produce a number of food crops and other foodstuffs for which we can find markets in the world.

On the question of defence, I have already explained our position, our policy, when I made a statement to this House yesterday on the recent five-power defence talks. While we are doing everything possible to promote our policy of friendship with all nations and our independent and non-aligned foreign policy, we must at the same time take measures to see that we have adequate defence forces to look after our country, if the need arises. As an independent nation we must be prepared to be responsible for our own defence, and it is gratifying that our friends and partners in the Anglo-Malaysian Defence Treaty have agreed to assist us not only in the expansion of our armed forces but also to participate in joint defence arrangement in this area and to show a continued interest in the peace and stability of this area.

Listening to him, Mr Speaker, Sir, one gets the impression that this country is deep in the mire of financial bankruptcy and economic disaster, saddled with all sorts of calamity, corruption in the Public Services, bureaucratic inefficiency and what have we, and the people are suffering an intolerable situation worse than the horrible years during the Japanese Occupation of eating grass roots and tree barks as had happened in China during the famine in 1957. Mr Speaker, Sir, can the Honourable Member honestly admit this as the prevailing situation in the country today? Far from it, I think, as even now the Honourable Member is reaping the harvest of prosperity, judging from the lucrative practice he has in town and changing his car more than once a year and the comfortable life he is currently enjoying. All this is attributable to the successful policy of our Government and the wise leadership we have to

guide the destiny of the nation. Yet the Honourable Member unashamedly questioned the integrity and honesty of the Government whose record, according to him, is greatly to be deplored by every individual who loves parliamentary democracy. True enough, he loves parliamentary democracy and the measure of freedom we enjoy, yet when he was in the Labour Party, that party always acted against the Government, against the concept and rules of parliamentary democracy—in fact against established law and order. He may now say that that is the reason why he left the Labour Party and now joined a group of so-called intellectuals, who profess to have all the answers to our national problems at their fingertips.

I would venture to say, Mr Speaker Sir, that he joined the Labour Party with the hope, perhaps, of getting the support of the workers through their leaders. Then he discovered that it was too hard for him to handle or, perhaps, they thought he was too naive a person to be vested with a mantle of leadership, and he now turns to another direction after failing to use the workers through the Labour Party—his target is now the students in the university through a few professors and intellectuals of similar mental aptitudes. I dare predict that he will once again fail, perhaps more miserably than when he was in the Labour Party.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member's knowledge of a medical man or as a professional Opposition in this House does not necessarily make him a good politician. The first principle of politics, the Honourable Member should learn, is to be honest to himself and sincere to his belief. One does not move from one party to another just to suit one's whims. A good politician, once he accepts the leadership, must prove that he is worthy of a leader. A true politician should never accept hypocrisy as a good policy, but honesty and integrity. He should not, while enjoying the fruits, condemn the trees that bear the fruits or close his eyes to all the pleasant things around him and perceive only darkness, gloom and disaster.

I really feel sorry, Mr Speaker, Sir, for them as it seems they have exhausted all other issues to level against the Government. The Parliament House which has been the source of pride to all of us, in which the Honourable Members have been enjoying all the facilities, comforts and privileges so far, has unfortunately become once again the target of criticism, besides my Ministry, ANGKASAPURI, and the Ministry of Foreign Affairs, WISMAPUTRA. I wonder, Mr Speaker, Sir, if in ten years from now, when the Opposition Members are again searching for subjects to criticise the Government, this building will once again be quoted by them as an example of so-called Government extravagance? Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan berkenaan dengan jawapan dia, ya!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya kalau tidak silap faham saya, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Batu bukan-lah saperti politician yang baik dan mulia kerana dia melompat daripada satu² parti kepada satu party. Apa-kah dalam Perikatan ada orang yang melompat daripada PAS itu di-namakan Ahli yang baik (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, bangkangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh diatas chadangan hendak menghantar beberapa orang penuntut belajar ka-negeri Russia ada-lah bertentangan dengan ajaran Islam kerana Nabi Muhammad (s.a.w.) sendiri pernah bersabda, menyuruh orang² Islam menuntut ilmu sa-kali pun sampai ka-negeri China. Ini ada-lah terang menunjukkan bahawa ugama Islam sangat menitek beratkan pengikut²-nya bagi mendapatkan ilmu pengetahuan walau daripada mana² negeri sa-kali pun dan Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak pernah mengatakan

dengan jelas negeri China yang dimaksudkan sama ada negeri China dibawah pemerintahan komunis atau negeri China dibawah pemerintahan Chiang Kai Shek.

Seluruh dunia tahu bahawa Kerajaan Perikatan ia-lah Kerajaan yang telah menyelamatkan Malaysia daripada jatuh-nya ka-tengah komunis dan Kerajaan Perikatan akan terus-menerus mempertahankan demokrasi dan tidak akan membiarkan negeri ini jatuh katangan komunis pada masa yang akan datang (*Tepok*), dan ra'ayat di-negeri ini pun tahu dalam masa konfrantasi Indonesia dahulu pengikut² daripada parti mana-kah sa-bahagian daripada nya telah bersubahat, telah menolong regime komunis Indonesia untuk menghancurkan tanah ayer-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun selama 10 tahun yang lalu tidak ada penuntut² daripada negara kita yang telah pergi belajar ka-negeri komunis, tetapi kita telah dapati ada orang² yang memelok fahaman komunis dalam tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan MARA hendak menghantar beberapa orang pergi belajar ka-negeri itu bukan-lah dengan tujuan supaya mereka belajar fahaman komunis dan balek ka-negeri ini untuk mengembangkan fahaman tersebut.

MARA chuma hendak menghantar sa-bilangan kecil sahaja untuk permulaan dan penuntut² ini akan sentiasa diawasi sama ada pelajaran yang diterima oleh mereka sa-benar²-nya mendatangkan faedah apabila mereka kembali ka-negeri ini, atau ada-kah pemergian orang yang saperti itu boleh mendatangkan bahaya kepada negeri kita.

Saperti yang saya sebutkan tadi Kerajaan Perikatan ada-lah Kerajaan yang tidak suka negara ini di-jajah oleh komunis maka dengan sebab itu sa-tiap langkah ada-lah di-perhatikan dengan chermat di-mana sahaja ada peluang untuk hendak mengembangkan fahaman komunis maka peluang² itu mestilah di-sekat supaya negara kita selamat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bertanya, tidak-kah ada negeri lain lagi tempat di-mana penuntut² daripada negeri kita boleh di-hantar untuk menuntut ilmu? Jawab-nya, memang banyak dan telah banyak penuntut² daripada negeri ini termasuk penuntut² daripada MARA yang telah di-hantar ka-Amerika, ka-England, Australia, New Zealand, ka-negeri Jerman, ka-negeri Belanda, ka-negeri Perancis, ka-negeri Jepun dan juga ka-negeri India dan sekarang perhitungannya sedang di-kaji sama ada boleh atau tidak penuntut² daripada tanah ayer kita pergi ka-Indonesia.

Saperti kata saya tadi, jika sa-kira-nya pemergian penuntut² kita itu boleh mendatangkan bahaya maka tidak ada siapa yang boleh melarang untuk kita menyekat pemergian penuntut² yang lain pada masa yang akan datang. Kalau sa-kira-nya negara kita ingin menchapai kemajuan yang lebeh besar dan lebeh pesat maka kita hendak-lah berani menghantar orang² kita menuntut ilmu lebeh banyak walau daripada mana negeri sa-kali pun.

Kemudian timbul soal lawatan Duta² yang ada di-tanah ayer kita di-kampung² dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita menjalankan pemerintahan chara demokrasi. Segala Duta² yang ada di-tanah ayer kita ada-lah di-beri kebebasan dengan sa-penoh²-nya boleh melawat, boleh melihat segala rancangan kemajuan dan pergi melihat di-mana² tempat yang mereka suka, sama ada mereka dengan bersendirian atau pun dapat mengikut lawatan Menteri² Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyatakan kebimbangan-nya apa-kah Menteri², termasuk saya, telah di-jadikan alat untuk propaganda negara komunis. Di-sini saya suka-lah hendak bertanya, apabila saya menghantar penuntut² pergi ka-negara Amerika, apa-kah saya juga di-tudoh menjadi alat propaganda Kerajaan Amerika? Jika begitu maksud-nya, saya suka bertanya apa-kah Kerajaan PAS sendiri, yang ada mengeluarkan

scholarship menghantar penuntut² ka-negeri luar barangkali ka-England atau pun ka-Australia juga menjadi alat propaganda kerajaan di-mana mereka menghantar penuntut itu belajar?

Tuan Yang di-Pertua, soal hendak memperlindungan negeri kita daripada jatuh ka-tangan komunis, jalan yang sa-baik²-nya pada pandangan saya ia-lah meninggikan taraf hidup ra'ayat negeri dan ini sedang di-kerjakan oleh Kerajaan Perikatan. Jika sa-kira-nya PAS (Party Islam sa-Tanah Melayu) ingin hendak menegah perkembangan komunis di-tanah ayer kita, maka hendak-lah Kerajaan itu berjuang berhabis²an menghapuskan kemiskinan diantara ra'ayat yang di-bawah pemerintahan-nya itu. Ini-lah jalan yang sa-baik²-nya. Jika kita diamkan kehidupan ra'ayat dalam kemiskinan, maka di-situ-lah tanah yang subur sa-kali tempat kembang-nya fahaman komunis. Dalam Dewan ini telah banyak di-timbulkan soal tuntutan Filipina terhadap Negeri Sabah. Saya berasa suka hati mendengarkan pehak Pembangkang telah menentang tuntutan Kerajaan Philipina itu. Ini bermakna mereka bersetuju Sabah menjadi sa-bahagian daripada Malaysia. Empat tahun yang lalu atau tiga tahun yang lalu muka² ini juga-lah, orang² ini juga-lah, yang bekerja keras menentang pertubuhan Malaysia. Tetapi pada hari ini mereka nampak bahawa apa yang di-laksanakannya oleh Kerajaan Perikatan, empat tahun yang lalu ada-lah betul pada hari ini. Ini ada-lah menunjukkan satu contoh di-antara beberapa perkara lain yang kita lihat tentang sikap Parti Pembangkang, apabila Malaysia atau pun Malaya yang dahulu menchapai kemerdekaan-nya pada tahun 1957, orang² ini telah mengatakan bahawa kemerdekaan ini tidak sah, kemerdekaan sa-tengah masak, konon-nya ada satu kemerdekaan lain pula yang sa-benar²-nya yang akan di-chapai oleh mereka. Tetapi pada hari ini mereka telah mengaku bahawa negara ini ia-lah sa-buah negara yang merdeka penoh. Ini lagi satu contoh menunjukkan bagaimana-kah pendek-nya, chetek-nya, pandangan sa-tengah² daripada mereka terhadap perjuangan yang telah di-buat oleh Kerajaan Perikatan.

Berhubung dengan soal Surohanjaya Gaji Suffian, saya tidak hendak lagi berchakap panjang lebar chuma saya suka menerangkan satu sahaja, pendirian Kerajaan memang-lah suka ra'ayat-nya dapat hidup senang termasuk-lah Pegawai² Kerajaan dan Kerajaan sendiri pernah mengakui tentang kecekapan Pegawai² Kerajaan, kerana dengan tidak ada kecekapan mereka, tidak ada kemajuan yang dapat kita chapai pada hari ini. Chadangan Kerajaan penyata itu akan di-laksanakannya dengan chara beransor² mengikut keadaan kewangan negara kita. Apa yang saya suka hendak sebutkan ia-lah tentang pendirian sahabat² saya Ahli² Yang Berhormat dari Parti Islam sa-Tengah Melayu mengambil peluang menentang Kerajaan kerana tidak menjalankan dengan sa-penoh-nya Penyata Gaji Suffian itu. Penyata ini bukan-lah memberikan kenaikan gaji kapada Pegawai² Kerajaan Pusat sa-mata², tetapi juga termasuk Pegawai² Kerajaan Negeri. Nampak-nya yang pemimpin² Parti PAS sangat mendesak Kerajaan melaksanakan dengan segera dengan sa-penoh²-nya Penyata itu. Oleh itu saya suka-lah hendak mengingatkan Kerajaan PAS atau pun ingin bertanya, apabila Penyata itu di-jalankan dengan sa-penoh-nya dan gaji Pegawai² Kerajaan Negeri pun di-naikkan, bagaimana ikhtiar Kerajaan hendak membayar gaji yang baharu ini nanti, sedangkan dengan gaji yang ada sekarang pun mereka tidak terbayar dan kadang² hampir² hendak bankrupt, dan terpaksa menyembah Kerajaan Pusat untuk meminta pertolongan

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, tidak beri, tidak apa-lah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah dia jawab di-luar daripada Dewan ini. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri MARA menerangkan kerja² MARA.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri MARA di-sini saya berdiri

atas sikap Kerajaan untuk menjawab apa sahaja yang saya fikir patut. Mengikut jawapan yang di-berikan oleh Menteri Kewangan daripada pertanyaan yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pemimpin PAS dari Kelantan yang hendak tahu berapakah banyak negeri² dalam Tanah Melayu yang deficit ia-itu tidak chukup wang untuk mentadbirkan negeri masing². Maka di-sini nampak-nya negeri Kelantan telah mendapat hadiah yang pertama kerana nama-nya di-atas sa-kali, negeri ini-lah yang banyak sa-kali kekurangan wang dalam tahun ini sa-banyak \$10 juta dan kalau sa-kira-nya hendak di-jalankan Penyata Suffian ini dari mana-kah mereka hendak dapat wang tambahan itu, itu Tuhan sahaja-lah yang tahu dengan pemimpin² PAS ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit juga soal MARA daripada sa-tengah² Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan satu chadangan supaya MARA mengadakan satu badan untuk mengumpul nama penuntut² yang keluar daripada Maktab itu yang hendak mencari pekerjaan.

Ini telah pun dapat di-jalankan dan ada mempunyai faedah² sa-lama ini. Satu chadangan lagi yang saya tidak ingat daripada siapa, supaya MARA membeli, menebus tanah² yang tergadai ia-itu tanah² orang kampung yang telah tergadai, ini tidak-lah masuk dalam kerja² MARA, kerana MARA hanya hendak menolong ra'ayat bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan sahaja. Saya mengucapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Bachok supaya saya berchakap banyak fasal MARA, teapi kalau saya berchakap fasal MARA, saya takut masa tidak chukup. Saya boleh berchakap banyak kerana ranchangan kemajuannya terlampau banyak dan saya menjemput Ahli Yang Berhormat itu jikalau suka hendak tahu kerja MARA, datang-lah ka-Pejabat saya, saya akan berikan semua laporan dan beliau tentu puas hati. Jikalau bertanya kapada pemimpin parti mereka juga ada yang dapat daripada MARA ini. Terima Kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan deficit Kerajaan Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya ada Report Trengganu yang ada di-sini pada tahun 1966, Treasury Trengganu ada \$19.25 membuat commitment \$350,000 dan perkara yang sa-macam ini tidak pernah berlaku di-negeri Kelantan—tidak pernah, tidak ada satu document yang boleh menunjukkan bahawa Menteri baharu ini tidak berapa tahu kerja ini (*Ketawa*).

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membuat tuduhan bahawa Kerajaan lazim sa-kali menggunakan kuasa Undang² Keselamatan Dalam Negeri dan Undang² Penchegah Jenayah dan Undang² Penghad Tempat Kedudukan, mengambil tindakan terhadap Ahli² PAS sa-belum pilihanraya di-adakan.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan ini sangat-lah liar dan boleh di-anggap sa-bagai langkah Kerajaan menggunakan undang² tersebut sa-bagai senjata politik terhadap Parti² Pembangkang. Tuduhan ini tidak-lah benar sama sa-kali dan saya suka menerangkan di-sini, ia-itu tindakan yang di-ambil di-bawah undang² yang tersebut di atas tadi terhadap sa-orang ahli parti politik, bukan-lah kerana gerak gerinya sa-bagai ahli parti politik yang halal, tetapi ia-lah kerana guru² perbuatan-nya yang bertentangan dengan keselamatan atau ketenteraman negara. Keahlian-nya dalam satu politik itu hanya-lah kebetulan sahaja dan tidak menjadi asas tindakan Kerajaan. Dalam pada itu sa-belum sa-suatu perintah di-buat oleh Kerajaan, tuduhan² berkenaan ada-lah di-kaji dengan teliti-nya dan kemudahan² di-beri juga bagi sa-saorang yang ditahan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri, umpama-nya, untuk membuat rayuan kepada Lembaga Penasihat yang di-pengerusikan oleh sa-orang bekas Hakim.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga telah meminta supaya Kerajaan meninjau kembali dasar memisahkan orang² yang di-kenakan sekatan kediaman daripada keluarga

mereka atas dasar peri kemanusiaan dan ke'adilan. Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan, pehak Kementerian, memang sedar ada kala-nya pada masa menjalankan tindakan² yang di-tetapkan di-dalam undang² ini kesusahan itu di-kenakan kapada sa-tengah² orang, tetapi ada-lah mustahak di-timbangan, di-fikirkan bahawa undang² yang saya sebutkan tadi, Undang² Penchegah Jenayah dan Undang² Menghadkan Tempat Kediaman adalah undang² yang telah di-luluskan oleh Dewan ini kerana memandangkan pada masa perbuatan jenayah, perbuatan anchaman daripada Kumpulan² Kongsi Gelap ada-lah berat dan ada-lah pada masa itu merebak². Oleh kerana biasanya tidak boleh di-ambil tindakan sewajar-nya dalam perbicharaan biasa di-Mahkamah oleh kerana saksi² biasanya takut tampil ka-hadapan memberi keterangan, undang² tersebut telah di-luluskan dan orang² yang di-dapati betul² giat, betul² chergas di-dalam kumpulan haram menjalankan pekerjaan², tindakan² memeras, mengugut, membunuh dan lain-nya telah di-hantar dan di-pulaukan ka-tempat² lain. Dengan ada-nya kuat-kuasa di-bawah undang² ini di-jalankan selama ini perbuatan jenayah, anchaman² daripada pehak² gulongan ahli² kumpulan gelap ini nampak-nya adalah terkurang daripada yang biasa berlaku dahulu. Dalam pada itu, saya mengaku ada lagi berlaku kejadian² ini serta sedikit di-merata² negara.

Jadi, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat barangkali ma'alum, terpulung kapada Kerajaan memilih satu daripada dua jalan ini sama ada membiarkan perkara perbuatan jenayah dan anchaman² ini terus berlaku atau pun kesusahaan di-kenakan kapada orang² yang melakukan perbuatan ini di-pulangkan dia ka-tempat² yang lain supaya tempat², bandar² di-dalam negara ini boleh tinggal di-dalam keadaan keamanan dan ketenteraman. Jadi dalam banyak perkara yang berbangkit, maka di-dapati bahawa sangat perlu, sangat penting bagi Kerajaan, bagi Kementerian Dalam Negeri, mengambil tindakan supaya menghantar keluar orang² yang sangat²

chergas di-dalam perkumpulan² haram ini supaya mengasingkan dia daripada komplot²-nya, daripada kawan² sa-perjuangan-nya dan di-hantar dia dudok ka-tempat² yang jauh daripada tempat asal-nya. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang telah mengambil perhatian atas masaalah ini terutama-nya perkara social yang berbangkit dengan di-hantar orang² keluar daripada tempat² kediaman-nya dan sedang mengkaji chara² yang praktikal supaya dengan sa-berapa yang boleh orang² yang ada berkeluarga tidak di-pindahkan dari kawasan masing², tetapi hanya di-kenakan sharat² lain daripada pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah juga menudoh pehak Polis menyeksa dan memukul orang² yang di-tangkap kerana di-shaki melakukan kesalahan jenayah dan menhadangkan supaya penyiasatan ka-atas pengaduan demikian ini hendak-lah di-jalankan oleh Pegawai² Kanan yang bukan berkhidmat di-tempat kejadian itu berlaku. Tuan Yang di-Pertua, tuduhan samacham ini kerap kali berlaku, kerap kali di-bawa ka-dalam Dewan ini tetapi saya suka menyatakan di-sini bahawa tuduhan ini tidak-lah betul. Pehak Kementerian saya ada menerima pengaduan tentang perkara ini dari satu masa ka-satu masa dan sa-tiap kali pengaduan di-terima Ibu Pejabat Polis di-arah menjalankan penyiasatan dan tindakan yang sa-mesti-nya akan di-ambil sa-kira-nya di-dapati kejadian itu. Pehak Kementerian saya sentiasa memandang berat terhadap perkara ini dan tidak chuai daripada mengarahkan supaya langkah yang bersesuaian dilaksanakan tatkala berlaku kejadian bagini.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak telah berkata juga bahawa ada orang² Iban yang masuk ka-Sarawak dari Kalimantan, Indonesia, dan telah berkahwin dengan orang² Iban di-Sarawak dan ada di-antara mereka itu telah di-hantar balek ka-Indonesia dan beliau berharap mereka di-beri kebenaran untuk menetap di-Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkahwinan dengan warganegara tempatan hanyalah satu daripada faktor yang di-beri pertimbangan sama ada sa-saorang itu boleh di-benarkan menetap di-negeri ini atau tidak. Banyak lagi sa-lain daripada ini faktor² yang lain yang juga patut dan mesti di-timbangkan umpama-nya chara-nya kemasokan sa-saorang itu ka-dalam negeri ini sa-chara haram atau halal. Kedua, tempoh ia telah berada di-negeri ini dan jika sa-kira-nya orang² ini tidak di-benarkan menetap oleh pehak yang berkuasa di-Sarawak, ini bermakna mereka itu tidak memenohi sharat² untuk menetap-sharat² yang lain—yang saya telah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 7.20 malam.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 7.35 malam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh juga perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara berkenaan dengan pengeluaran work permit. Sa-bagaimana saya telah jelaskan dalam masa soal jawab, perkara ini ada-lah di-dalam perhatian Kerajaan dan perkara keluaran permit ini kepada orang yang bukan warganegara yang telah menetap di-negeri ini sedang di-kaji dengan teliti-nya dan tindakan yang sa-wajar-nya akan di-ambil.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat telah membangkitkan tentang kesusahan warganegara Malaysia kerana lewat mendapat kad pengenalan Malaysia apabila hendak memohon untuk menukar kad pengenalan Singapura dan beliau menghorkan supaya di-percepatkan keluaran Kad Pengenalan warganegara Malaysia apabila kembali ka-Singapura. Tuan Yang di-Pertua, permohonan² untuk menukar kad Singapura kepada kad pengenalan Malaysia selalu di-beri layanan yang segera jika sa-saorang

pemohon dapat membuktikan taraf-nya sa-bagai sa-orang warganegara negeri ini. Tetapi mereka² yang tidak dapat mengemukakan apa² bukti, taraf kera'ayatan itu, telah mengalami kelewatan pada masa yang sudah² kerana hal ini hendak-lah di-rujukkan kepada pehak² yang berkenaan bagi menentukan taraf Immigration—Immigration Status—terlebeh dahulu sa-belum di-keluarkan kad pengenalan yang berkenaan. Baru² ini beberapa perubahan kepada peratoran pentadbiran untuk menukar kad pengenalan tersebut dan dengan demikian di-harapkan segala kelewatan² akan di-hapuskan.

Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara membuat tegoran juga bahawa rumah² anggota polis wajib-lah di-perbaiki atau di-gantikan dengan rumah² yang lebeh sempurna. Tuan Yang di-Pertua, sa-memang-lah menjadi dasar Kerajaan membaiki dan membena rumah ahli² pasokan polis dengan keutamaan di-beri ka-atas tempat² kediaman Pegawai² Pangkat Rendah. Wang telah pun di-sediakan di-bawah peruntukan pembangunan polis bagi melaksanakan projek ini. Sehingga ini banyak kemajuan telah terchapai ka-daerah ini dengan di-bukti oleh beberapa bilangan bangunan² yang telah di-dirikan dan bangunan² lama yang di-perbaiki. Dalam melaksanakan projek sa-besar ini, maka tidak-lah sa-harus-nya di-jangka boleh di-sempurnakan dengan sa-penoh-nya dalam masa yang sengkat. Kemajuan projek ini adalah bergantung bukan sahaja kepada wang bahkan juga kebolehan Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimana pun dalam memperlaksanakan projek ini, keutamaan di-beri kepada daerah², kawasan² yang amat mementingkan kegunaan pembangunan itu. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dalam ucapan-nya yang panjang lebar telah menyentuh apa yang di-namakan Universiti Merdeka dan menyatakan bahawa pembentokan universiti itu tidak-lah melanggar Perlembagaan Malaysia. Saya tidak-lah menapikan

hakikat ini, tetapi matlamat negara kita ada-lah hendak menyatu-padukan penduduk² yang berbilang keturunan bangsa di-Malaysia dan pembentokan universiti yang berchorak itu ada-lah di-fikirkan tidak-lah boleh menolok menyatu-padukan ra'ayat Malaysia. Saperti Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, soal pelajaran tinggi di-negara kita telah di-binchang dan di-timbang-kan dengan halus-nya oleh Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi yang telah mengambil masa lima tahun bagi menimbang-kan segala aspect pelajaran tinggi. Oleh yang demikian ranchangan pelajaran tinggi dalam jangka 20 tahun yang akan datang bagi negeri kita akan di-asaskan pada Penyata Jawatan-kuasa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah mengeshorkan supaya Kerajaan membena lebeh banyak lagi universiti untuk menyelamatkan pertukaran luar wang (foreign exchange) kita dan juga menyediakan banyak lagi tempat bagi pelajaran tinggi kepada anak² kita. Saperti Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum Ranchangan Pelajaran Tinggi yang di-asaskan kepada Penyata Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi akan menambahkan lagi bidang² pengajian yang tidak di-dapati di-sini. Adalah di-fikirkan dengan menambahkan lagi kursus itu serta membesarkan Universiti Malaya dan membena Universiti Kolej di-Pulau Pinang ada-lah lebeh baik daripada memperbanyakkan bilangan Universiti di-dalam sa-buah negara yang kecil saperti Malaysia ini. Beliau juga menchadangkan supaya pelajaran teknik atau teknologi di-lebeuhkan di-dalam sistem pelajaran kita bagi membolehkan belia² kita mahir dalam bidang itu dan dengan demikian akan mengurangkan lagi penganggorean dan jenayah. Bagi menjawab-nya adalah di-nyatakan bahawa Kementerian Pelajaran ada-lah berusaha dengan sa-daya upaya untuk memperkembangkan pelajaran teknik dan vocational. Politaknik di-Ipoh akan mula mengadakan kursus pada tahun hadapan dan Maktab Teknik di-Kuala Lumpur akan di-perbesarkan. Banyak lagi sekolah² teknik dan vocational akan di-bena dengan wang pinjaman dari Bank Dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan telah merayu supaya pertimbangan khas di-beri kepada pemegang² biasiswa Kerajaan Negeri bagi memasoki Universiti Malaya, walau pun kelayakan mereka kurang. Saya dukachita tidak boleh berbuat demikian kerana kalau dilakukan ini maka Parti² Pembangkang seperti Parti Tindakan Demokrat sudah tentu akan menudoh bahawa saya champor tangan dalam pentadbiran Universiti dengan memasukkan penuntut yang kurang kelayakan. Bab 47 Perlembagaan Universiti Malaya pun tidak membenarkan penuntut² yang tidak mempunyai kelayakan memasuki Universiti itu. Walau bagaimana pun, Ahli Yang Berhormat itu jangan-lah bimbang dalam perkara ini, kerana pada hakikat-nya bilangan penuntut² yang dapat biasiswa tetapi tiada di-terima masuk ka-Universiti Malaya ada-lah amat kecil sa-kali. Umpama-nya, dalam tahun ini bilangan mereka itu ia-lah chuma 4.3% sahaja. Dalam pada itu satu perkara yang patut di-ingati di-dalam hal ini ia-lah jika sa-saorang itu tidak mempunyai kelayakan yang memuaskan, maka harapan-nya untuk lulus dalam tahun pertama di-universiti ada-lah amat tipis sa-kali dan akibat-nya ia juga yang kechewa. Penuntut² dalam gulungan seperti itu di-nasehatkan mengambil sa-kali lagi peperiksaan H.S.C. dan mengelokkan lagi keputusan masing² bagi membolehkan mereka mempunyai kelayakan yang cukup untuk masuk ka-universiti. Dengan ini semangat pertandingan sentiasa ada dan berkekalan, kerana dalam pelajaran tinggi pertandingan itu tidak dapat di-elakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah meminta supaya saya mengambil tindakan untuk mengelakkan guru² agama dari di-gunakan oleh guru² besar untuk mengajar mata-pelajaran² sa-lain daripada agama Islam. Sa-bagai menjawab-nya saya sa-kali lagi menegaskan bahawa guru² agama tidak di-paksa mengajar satu² mata pelajaran yang beliau tidak ber-kelayakan untuk mengajar. Dalam pada itu guru² tersebut boleh mengajar mata² pelajaran lain sa-lain daripada pelajaran agama seperti bahasa

kebangsaan dengan syarat mereka mempunyai kelayakan yang cukup. Ahli Yang Berhormat itu juga mengeshorkan supaya pengajaran agama Islam di-sekolah² Malaysia Barat di-kaji sa-mula dan murid² Melayu di-paksa mengikuti pelajaran agama dan mengambil mata pelajaran itu di-dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Persekolahan Tinggi. Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, sukatan pelajaran agama Islam bagi sekolah² rendah, sekolah² menengah dan juga Tingkatan VI telah pun di-luluskan oleh Majlis Raja² dan telah pun mula di-laksanakan. Murid² Islam di-sekolah² rendah dan sekolah² menengah bantuan penoh ada-lah di-wajibkan mempelajari agama Islam di-sekolah² tersebut, tetapi saya tidak dapat menerima shor Ahli Yang Berhormat itu untuk memaksa mereka mengambil mata pelajaran itu di-dalam peperiksaan. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tentu bersetuju bahawa Islam melarang paksaan dan oleh itu, soal memilih mata² pelajaran ini elok-lah terpulang kepada murid² sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah meminta penerangan lanjut berkenaan dengan sekolah champoran atau yang di-chadangkan hendak di-bena itu. Tujuan mendirikan sekolah ini ia-lah supaya murid² dari keempat² bahasa pengantar di-dalam sistem pelajaran kita dapat bersekolah di-dalam sebuah sekolah atau di-bawah satu bumbong. Salah satu dari tujuan utama nya ia-lah untuk membimbing dan menyatukan mereka dari kecil lagi dan di-samping mereka dapat bergaul bersama, mereka juga akan mendapat kemudahan² yang sama. Sekolah seperti ini akan menjadi contoh kepada sekolah yang akan di-bena akan datang. Di-samping itu juga Kementerian ini bertujuan untuk menchubakan chara² dan teknik² mengajar yang terbaharu kepada murid² ini. Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengeshorkan supaya kita putuskan langsung hubungan peperiksaan dengan Cambridge dan peperiksaan² itu diambil oleh University Malaya. Chadangan ini mempunyai tujuan² yang baik

dan memang-lah menjadi satu rancha-
ngan jangka panjang kita. Walau bagaima-
mana pun pada peringkat ini Univer-
sity Malaya tidak dapat menanggung
bebanan menjalankan peperiksaan² ini
kapada tugas² mengendalikan-nya
banyak-lah seperti dalam bidang
pentadbiran, pemeriksaan, menggubal
kertas soalan dan menyelaraskan-nya
memproses dan mengeluarkan keputu-
san² bagi chalon² yang beribu² jumlah-
nya dan sa-makin bertambah tiap²
tahun. Beliau juga mengeshorkan
supaya di-adakan satu jenis sijil sa-
haja dan dalam perkara ini saya suka
menyatakan bahawa ada banyak hal²
dan kesulitan² yang berkait dengan
shor-nya itu dan segala²-nya mesti-lah
di-kaji dahulu dengan sa-halus²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong
telah menyatakan kebimbangan-nya
bahawa sungguh pun banyak perbelan-
jaan di-keluarkan bagi perbelanjaan
pelajaran, tetapi tidak ada keputusan
yang positive kerana bilangan murid²
yang tiada lulus terlalu banyak seperti
dalam Peperiksaan Penilaian dan
Peperiksaan Masok Tingkatan VI.
Saya suka menegaskan kapada beliau
bahawa sa-tiap sen yang di-gunakan
bagi pelajaran ada-lah di-gunakan
dengan sa-baik²-nya. Di-dalam sa-suatu
peperiksaan, memang-lah biasa ba-
hawa beberapa orang chalon yang
lulus dan ada pula yang tidak lulus.
Dalam Peperiksaan Penilaian umpa-
ma-nya, faedah yang di-perolehi ia-lah
supaya dapat kita mentaksirkan ke-
bolehan, atau kelemahan murid²
Darjah V sa-belum mereka memasoki
Sekolah² Menengah. Dengan demikian
dapat kita mengambil tindakan untuk
memperbaiki kelemahan itu. Peperek-
saan Masok Tingkatan VI ada-lah
peperiksaan perasingan atau competi-
tive kerana tempat² di-Tingkatan VI
sangat terhad. Walau bagaimana pun
seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia
ma'alum peperiksaan itu telah pun di-
mansokhkan mulia dari tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dato'
Kramat telah membidas Sijil Kelaya-
kan atau Suitability Certificate bagi
memasoki University Malaya. Saya
tidak faham mengapa beliau mem-
bidas-nya kerana Sijil ini telah pun
di-tanggohkan sa-lama dua tahun dan

perlaksanaan-nya akan di-kaji balek
sa-lepas itu.

Kapada Ahli² Yang Berhormat
yang lain yang berchapak menyentoh
Kementerian saya, saya menguchapkan
ribuan terima kaseh dan tegoran² itu
akan di-kaji dengan teliti-nya. Terima
kaseh.

**Setia-usaha Parlimen kapada Men-
teri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin
Abdul Rahman):** Tuan Yang di-
Pertua, saya uchapkan berbanyak²
terima kaseh kapada Ahli² Yang Ber-
hormat dalam Dewan ini kerana sadi-
kit benar bilangan ahli² yang telah
mengambil bahagian dalam ucapan
berkenaan dengan Kementerian Kesi-
hatan. Dengan ini bererti-lah yang
Ahli² Yang Berhormat sa-kalian ber-
puas hati dengan ranchangan² Kemen-
terian Kesihatan khas-nya dan Kera-
jaan Perikatan 'am-nya dalam daya
usaha meninggikan taraf kesihatan
ra'ayat dalam negeri ini terutama-nya
terhadap penduduk² di-luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala
Trengganu Selatan meminta supaya
ward di-Rumah Sakit Kuala Trengganu
di-perbesarkan. Ini akan di-timbangan
oleh pehak Kementerian Kesihatan
apabila kedudukan kewangan bertam-
bah baik. Beliau juga meminta sa-
orang Pakar Mata di-tempatkan di-
Kuala Trengganu. Hari ini sa-orang
Pakar Mata daripada Kota Bahru ber-
ulang ka-Kuala Trengganu, tetapi apa-
bila kita ada sa-orang pakar lagi—
Pakar Mata itu akan di-hantarkan ka-
Rumah Sakit Umum Kuala Trengganu.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas
berchapak berkenaan dengan pembe-
dahan mayat. Tuan Yang di-Pertua,
biasa-nya doktor² di-Rumah² Sakit
tidak-lah suka membuat pembedahan
mayat, tetapi ini ada-lah perlu kerana
mengikut Undang² Pembedahan Mayat
terpaksa di-buat kalau sa-kira-nya
bersangkutan dengan polis.

Ahli Yang Berhormat dari Johor
Bharu Barat, bertanya sama ada
Rumah Sakit Kusta di-Johor Bahru
itu akan di-pindahkan ka-satu pulau.
Di-sini suka saya memberi tahu ia-itu
Rumah Sakit Kusta di-Johor Bahru
itu tidak akan di-pindahkan ka-mana²

dan beliau telah menguchapkan terima kasih kepada Tabong Derma Darah. Saya juga suka menguchapkan terima kasih bukan sahaja kepada Johor Bahru, tetapi semua badan² penderma darah yang ada dalam Malaysia ini.

Dan yang kedua, beliau juga mengeshorkan supaya dalam persidangan² yang akan datang Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini patut-lah menderma darah. Ini saya minta sakira-nya, Tuan Yang di-Pertua, sendiri membenarkan satu bilek di-tempat ini, pada meshuarat yang akan datang, saya akan bawa pegawai², dan saya berseru kepada Ahli² Yang Berhormat supaya mendermakan darah.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor kurang senang hati berkenaan dengan banyak orang sakit terpaksa menunggu. Tegoran dan pandangan itu akan di-ambil perhatian untuk memperbaiki lagi perkhidmatan di-Rumah Sakit Umum Johor Bahru.

Berkenaan dengan kanak² yang telah mati oleh sebab lama menunggu, perkara ini akan di-ambil perhatian dan akan di-lakukan penyiasatan.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah menyebutkan tentang pembuangan pekerja² ladang sa-chara beramai² oleh majikan yang di-lakukan sekarang ini oleh kerana harga getah telah jatuh. Kejatohan harga getah memang-lah telah mendatangkan banyak kesusahan bukan sahaja kepada perusahaan getah, tetapi juga kepada lain² bahagian ekonomi. Dalam hal perusahaan getah dengan harga yang rendah sekarang ini beberapa buah ladang² getah dapati tidak bagitu untong bagi mengerjakan ladang yang kecil², dan oleh sebab itu pembuangan pekerja² tidak dapat di-elakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kesusahan yang menimpa pekerja² dengan tindakan pembuangan pekerja² di-dalam beberapa buah ladang², dan Kementerian saya telah minta pertubohan², majikan dan pertubohan² pekerja di-dalam perusahaan tersebut supaya mengadakan perun-

dingan bagi menchari jalan untuk mengelakkan atau mengurangkan pembuangan kerja. Mereka telah bersetuju untuk mengatasi soal tersebut dengan sa-berapa yang mereka boleh. Dengan kerjasama dan saling bersefahaman yang telah mereka tunjukkan di-masa lampau untuk mengatasi soal² mereka, Kementerian saya perchaya mereka akan boleh juga menyelesaikan soal yang sekarang ini. Kementerian saya telah pun meminta mereka memberitahu Kementerian saya di-atas kemajuan yang telah di-chapai mengenai perbinchangan² di-akhir bulan ini.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan itu, Kementerian saya berasa tidak perlu di-tubuhkan satu Special Centralised Employment Exchange bagi mendaftar penchari² kerja orang² Melayu, kerana perkhidmatan pekerjaan yang ada sekarang ini telah mempunyai asas yang baik dan di-ator dengan baik bagi memenohi kehendak² penchari kerja yang terdiri dari berbagai kaum yang menjadi warganegara negeri ini.

Sa-lain daripada itu ada juga satu bahagian yang berasingan yang dikenali sa-bagai Professional Bureau di-mana nama² ahli² professional serta orang² yang mempunyai kemahiran yang tinggi ada di-daftarkan. Bahkan perkhidmatan pekerjaan itu sekarang ini sedang menjalani proses kemajuan di-bawah pimpinan sa-orang pakar dari Pertubohan Buroh Antarabangsa yang di-tunjokkan bagi melichinkan perkhidmatan itu keselurohan-nya. Perkhidmatan pekerjaan itu sekarang ini pada akibat-nya mengemukakan chalun² bagi memenohi kekosongan² oleh chalun² dari ketiga² bangsa itu mengikut kadar yang saksama.

Mengenai chadangan supaya di-tubuhkan Jawatan-kuasa Tetap untuk mengkaji keadaan penganggoran di-negeri ini serta masaalah menempatkan penganggoran² di-tempat² yang tertentu Ahli Yang Berhormat itu tentu-lah bersetuju bahawa Jawatan-kuasa sa-umpama itu tidak-lah mustahak kerana Laporan Kajian Pekerjaan dan Penganggoran, tahun 1965 mengan-dongi ma'lumat² yang berkenaan

mengenai keadaan penganggoran yang berjumlah 6% daripada jumlah pekerja².

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berucap dalam bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu has raised a number of observations concerning labour matters. He stated that the Government has formulated policies which are anti-labour. This is nothing new. He has made this criticism previously. He is, in fact, playing the same old record—only this time he is playing it from the platform of Party Gerakan.

In his speech, he made reference to some specific labour disputes. It is indeed surprising that he should have brought up, for instance, the case of the Sincere Match Factory. It was only exactly a week ago that he made an adjournment speech on the Sincere Match Factory dispute, and I have given him a reply.

On the Social Security Scheme, he has complained that there is still no sign as to when the legislation would be tabled in Parliament. If he would care to refer to page 13 of the Special Appendix to the Royal Address by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, he would have noted that it was stated that the necessary legislation would be submitted to Parliament soon for the Scheme to be brought into operation this year itself. In view of the complex nature of this Scheme, the drafting of the legislation has taken more time than originally expected.

Other points he raised have all either been replied to in previous sittings of this House, or included in the replies to the Written Questions of this session.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi chadangan² yang *constructive*, dan Kementerian saya akan menimbangkan chadangan² ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sapertinya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak-banyak shukor dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Yang Kelima Parlimen Yang Kedua.”

URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan, di-bawah Peratoran Meshuarat 90, saya mohon menchadangkan:

“Bahawa syarat² Peratoran Meshuarat 14 (1) dan 48 hendak-lah di-gantungkan untuk membolehkan mengemukakan satu Rang Undang² yang penting, ia-itu The Customs Duties (Penang) (Indemnity) Bill, 1968, ka-Majlis ini.”

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa syarat² Peratoran 14 (1) dan 48 hendak-lah di-gantungkan untuk membolehkan mengemukakan satu Rang Undang² yang penting, ia-itu The Customs Duties (Penang) (Indemnity) Bill, 1968, ka-Majlis ini.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

THE CUSTOMS DUTIES (PENANG) (INDEMNITY) BILL

Rang Undang² “The Customs Duties (Penang) (Indemnity) Bill 1968” di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parliamen kepada Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini

PENANGGOHAN

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan di-bawah Peratoran Meshuarat 12 (1) dan juga ketetapan yang diambil pada petang ini tadi, Majlis ini akan di-tanggohkan sekarang ini.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) dan juga ketetapan yang diambil pada petang ini tadi, Majlis ini akan di-tanggohkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 8.05 malam.